

IMPAK KEDILAKUAN RELATONG KERTAS PENGOMIT  
NEGERI KELANTAN

NATIONAL DE RAPPORT INSTITUTE

IMPAK KEDILAKUAN RELATONG DIL KERAS  
NEGERI KELANTAN TENTERAMAH

2010

ck: 8865

1100089123

Pusat Pembelajaran Digital Sainsasi Nai Zainah (PPDSN)  
Universiti Malaysia Terengganu.



LP 13 FPE 1 2010



1100089123

## 110087125 Impak kedatangan pelancong ke atas ekonomi negeri Kelantan / Fatisha Badrul Hisham.

**PUSAT PEMBELAJARAN DIGITAL SULTANAH NUR ZAHIRAH  
UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU (UMT)  
21030 KUALA TERENGGANU**

1100089123

## Lihat Sebelah

HAK MILIK

PUSAT PEMBELAJARAN DIGITAL SULTANAH NOR ZAHIRAH

**IMPAK KEDATANGAN PELANCONG KEATAS  
EKONOMI NEGERI KELANTAN**

**FATISHA BT BADRUL HISHAM**

**FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI  
UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU**

**2010**

**IMPAK KEDATANGAN PELANCONG KEATAS  
EKONOMI NEGERI KELANTAN**

**FATISHA BT BADRUL HISHAM**

**PROJEK ILMIAH TAHUN AKHIRINI DIKEMUKAKAN  
BAGI MEMENUHI SEBAHAGIAN DARIPADA SYARAT  
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA MUDA EKONOMI  
(SUMBER ALAM)**

**FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI  
UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU**

**2010**

## PENGAKUAN

Saya akui Projek Ilmiah Tahun Akhir ini ( EKN4399A / EKN 4399B ) ini adalah hasil kajian saya sendiri kecuali sumber-sumber yang telah saya jelaskan rujukannya.

Tarikh : 28/04/2010



FATISHA BT BADRUL HISHAM

UK 15453

## DECLARATION

I hereby declare that this Final Year Academic Project (EKN4399A / EKN 4399B ) is the result of my own investigation and findings, accept where otherwise stated.

Date : 28/04/2010



FATISHA BT BADRUL HISHAM

UK 15453

## **PENGHARGAAN**

Bismillahirahmanirahim..

Alhamdulillah, segala puji untuk Allah SWT, tuhan semesta alam. Selawat dan salam ditujukan kepada junjungan besar, Nabi Muhammad Sallallahu' Alaihi Wassalam. Setinggi kesyukuran kepada Allah SWT kerana dengan izinNya yang telah memberi ruang kepada saya menyiapkan tesis ini dengan jayanya.

Bersyukur ke hadrat Ilahi kerana dengan berkat dan ketekunan, akhirnya saya dapat menyiapkan tesis sebagai memenuhi syarat penganugerahan Ijazah Sarjana Muda Ekonomi (Sumber Alam). Jutaan terima kasih ditujukan khas buat **Encik Mohammad Najit Bin Sukemi**, selaku penyelia yang banyak membantu dengan memberi bimbingan serta teguran yang membina. Segala tunjuk ajar yang diberikan amatlan dihargai dan disanjungi.

Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih juga ditujukan kepada keluarga saya yang sentiasa menyokong dan memberi semangat sepanjang pengajian saya. Buat rakan-rakan seperjuangan, pengalaman serta tunjuk ajar kalian menjadi hadiah yang tidak ternilai. Terima kasih di atas nilai persahabatan dan kemesraan yang dipamerkan. Kepada pihak-pihak yang banyak membantu dalam proses menghasilkan kajian penyelidikan ini, terima kasih yang tidak terhingga di atas bantuan dan kerjasama yang dihulurkan. Terima kasih kepada semua yang terlibat samada secara langsung atau tidak di dalam menghasilkan projek ini. Semoga jasa yang dicurahkan dapat membantu mereka yang sememangnya memerlukan dan terus berbakti untuk menabur khidmat yang tiada penghujungnya.

**Fatisha Bt Badrul Hisham  
Peti 1856 Lorong 15,  
Taman Desa SBJ Putra,  
16250 Pasir Pekan,  
Kelantan.  
Shaz\_1602@yahoo.com**

## **ABSTRAK**

Pembangunan Sektor Pelancongan jika dilaksanakan secara mapan akan memberi pelbagai manfaat kepada pelancong, komuniti setempat dan negara. Pelancongan mampu menjadi agen bagi meningkatkan taraf hidup negara tuan rumah melalui manfaat ekonomi impak kedatangan pelancong ke sesuatu kawasan. Di negeri Kelantan, sektor pelancongan menjadi alat penting dalam memakmurkan ekonomi dan pertumbuhan ekonomi negeri di mana pelbagai kemudahan dan kompleks membeli belah dibina khusus bagi memenuhi permintaan pelancongan ini. Sehubungan dengan itu, kajian ini dijalankan untuk melihat sumbangan sektor pelancongan di Kelantan kepada pertumbuhan ekonomi negeri Kelantan. Bagi menjalankan kajian ini, data sekunder digunakan meliputi jumlah kedatangan pelancong tempatan, jumlah kedatangan pelancong asing dan juga data kadar perbelanjaan per-malam serta data Indeks Harga Pengguna (CPI) Malaysia bagi tempoh empat tahun iaitu dari tahun 2006 – 2009 dengan mengikut data bulanan. Pengkaji menggunakan analisis siri masa menggunakan kaedah *Econometric Views* (E-views) yang diuji dengan menggunakan pelbagai jenis ujian. Dapatkan menunjukkan, ke semua ujian yang dilakukan mempunyai hubungan korelasi antara satu sama lain dan juga mempunyai hubungannya dalam jangka masa panjang dengan pertumbuhan ekonomi negeri Kelantan.

Kata Kunci : Indeks Harga Pengguna, Jumlah kedatangan pelancong, Kadar pebelanjaan per-malam

## **ABSTRACT**

*Tourism is developed properly can provide benefits to tourists and local communities. Tourism can help improve the living standards of the host country through the economic benefits brought to the area. The tourism sector in the state of Kelantan to play an important role in domestic economic growth. This study was conducted to see the contribution of the tourism sector in Kelantan where the study was to see the contribution of tourism to economic growth in the state of Kelantan. To conduct this study, secondary data used include the number of domestic tourist arrivals, the number of foreign tourist arrivals and expenditure data per-night rates and data of the Consumer Price Index (CPI) for a period of four years from 2006 to 2009 in accordance with the monthly data. Any analysis and research will be conducted using an empirical measure using Econometric Views (E-views) are tested using various tests. It was found that almost all the tests done have correlation with each other. This is because all the variables in this study have long-term relationship.*

*Keywords:* Consumer Price Index, the total tourist arrivals, expenses-per-night rates.

SENARAI KANDUNGAN	PERKARA	MUKA SURAT
<b>PENGAKUAN</b>		i
<b>PENGHARGAAN</b>		ii
<b>ABSTRAK</b>		iii
<b>ABSTRACT</b>		iv
<b>SENARAI KANDUNGAN</b>		v
<b>SENARAI JADUAL</b>		ix
<b>SENARAI RAJAH</b>		ix
<b>SENARAI KEPENDEKAN</b>		ix
 <b>BAB 1 : PENGENALAN</b>		
1.1 Pengenalan		1
1.2 Permasalah Kajian		2
1.3 Objektif Kajian		3
1.3.1 Objektif Umum		3
1.3.2 Objektif Khusus		3
1.4 Metodologi kajian		4
1.5 Skop Kajian		5
1.6 Kepentingan Kajian		5
1.7 Organisasi Kajian / Limitasi Kajian		6
1.8 Jangkaan Keputusan		7
1.9 Kesimpulan		7

## **BAB 2 : LATAR BELAKANG DAN KAJIAN LEPAS**

2.1 Pengenalan	8
2.2 Pelancongan	8
2.2.1 Definisi Pelancongan	9
2.2.2 Sektor Pelancongan Di Malaysia	11
2.3 Latar Belakang Negeri Kelantan	15
2.3.1 Sejarah	15
2.3.2 Geografi	17
2.3.3 Budaya	17
2.3.4 Demografi	18
2.3.5 Ekonomi Dan Prospek	20
2.4 Profil Sektor Pelancongan Negeri Kelantan	20
2.4.1 Objektif Sektor Pelancongan	20
2.4.2 Produk-Produk Pelancongan	21
2.4.2.1 Pusat Membeli Belah	21
2.4.2.2 Tempat Bersejarah	23
2.4.2.3 Makanan Tradisional	24
2.4.2.4 Kawasan Peranginan	26
2.5 Latar Belakang Sektor Pelancongan Di Kelantan	29
2.5.1 Hotel / Penginapan	29
2.5.2 Pengangkutan	30
2.5.2.1 Pengangkutan Darat	30
2.5.2.2 Pengangkutan Udara	30
2.6 Kajian Lepas	31
2.7 Kesimpulan	34

## **BAB 3 : METODOLOGI KAJIAN**

3.1 Pengenalan	35
3.2 Data Kajian	36
3.3 Spesifikasi Model Kajian	36
3.4 Penilaian Model	37
3.4.1 Model Analisis Regrasi Mudah	38
3.4.2 Integrasi	38
3.5 Definisi Pembolehubah	44
3.6 Kesimpulan	45

## **BAB 4 : ANALISIS DATA DAN KEPUTUSAN**

4.1 Pendahaluan	46
4.2 Analisis Keputusan Regrasi Linear	47
4.3 Analisis Keputusan Ujian Punca Unit	49
4.4 Nilai Tren Dan Residual	51
4.5 Keputusan Ujian Kointegrasi Johansan	53
4.6 Analisis Ujian ECM	57
4.7 Keputusan Ujian Granger	57
4.8 Kesimpulan	57

**BAB 5 : KESIMPULAN DAN CADANGAN**

5.1 Pengenalan	58
5.2 Dapatan Kajian	59
5.3 Cadangan	60
5.4 Kesimpulan	62

<b>BIBLIOGRAFI</b>	63
--------------------	----

<b>LAMPIRAN</b>	66
-----------------	----

## **SENARAI JADUAL**

## **MUKA SURAT**

2.1	Jumlah Kedatangan Pelancong Ke Malaysia Mengikut Negara Pada Tahun 2005 dan 2006	12
2.2	Peratusan Penduduk Di Kelantan Mengikut Kaum	18
2.3	Jumlah Penduduk Kelantan Mengikut Daerah	19
2.4	Jumlah Tempat Penginapan Mengikut Daerah	29
4.1	Keputusan Ujian Punca Unit	50
4.2	Keputusan Ujian Ko-integrasi	53
4.3	Keputusan Ujian VECM	55

## **SENARAI RAJAH**

## **MUKA SURAT**

4.1	Nilai trend dan residual	52
-----	--------------------------	----

## **SENARAI KEPENDEKAN**

ADF	Augmented Dicky-Fuller
E-VIEWS	Perisian Ekonometrik Views
ININDEKS	Indeks Harga Pengguna
KDNK	Keluaran Dalam Negara Kasar
LNASING	Jumlah Kedatangan Pelancong Asing
LNPERBELANJAAN	Kadar Perbelanjaan Per-malam
LNTEMPATAN	Jumlah Kedatangan Pelancong Tempatan
LR	Ujian Likelihood Retio
MAS	Syarikat Penerbangan Malaysia
OLS	Kaedah Kuasa Dua Terkecil
PP	Ujian Phillip Perron
SBC	Schwarz Bayesian Criterion
SKMK	Syarikat Kenderaan Melayu Kelantan
VAR	Vector Auto Regresi

## **BAB I**

### **PENGENALAN**

#### **1.1 Pengenalan**

Dalam konteks dunia hari ini, pelancongan merupakan salah satu kegiatan ekonomi dan sosial yang semakin penting. Jumlah pelancong dalam negeri dan antarabangsa semakin meningkat malah, beberapa buah negara di dunia kini memajukan sektor pelancongan sebagai sektor utama yang menjana pendapatan negara (Inskeep 1996). Pelancongan juga merupakan sektor yang melibatkan peranan yang saling kaitan antara pihak kerajaan, bukan kerajaan dan juga orang awam (Salah Wahab dan Cooper 2003).

Pelancongan merupakan satu aktiviti ekonomi di mana ia mampu membawa rezeki dan kebaikan kepada komuniti. Pelancong mempunyai motif melancong yang berlainan. Dalam kes tertentu, kemudahan membeli-belah telah dibangunkan sebagai satu motif utama melancong. Oleh itu, pembangunan dari segi tarikan kemudahan membeli-belah telah menjadi satu alat yang penting untuk mempromosikan pelancongan. Potensi industri pelancongan sebagai penjana ekonomi baru negara hanya dapat direalisasikan jika usaha-usaha memaju dan membangunkan industri pelancongan diberi penekanan yang sewajarnya. Isu-isu seperti pelancongan eko, alam sekitar, visa, kemudahan lapangan terbang, kebersihan persekitaran, sistem pengangkutan dan keselamatan pelancong, semuanya menyumbang secara positif dan negatif kepada jumlah pelancong yang melawat Malaysia.

Pelancongan menjadi salah satu kegiatan sosial dan ekonomi yang paling penting pada masa sekarang dimana jumlah pelancong dalam negeri dan antarabangsa semakin meningkat. Beberapa buah negara di dunia kini, cuba memajukan pelancongan untuk beberapa faedah tertentu. Terdapat juga alasan yang kukuh tentang kemungkinan kesan negatif dan keinginan yang kian meningkat untuk memajukan sektor ini secara terancang dan terkawal yang dapat mengoptimumkan faedah, manakala mencegah sebarang masalah yang serius. Selain kawasan yang baru membangun, kawasan yang telah mempunyai pembangunan pelancongan yang agak banyak kini mengkaji semula sektor pelancongan, manakala di kebanyakan tempat, jika perlu, ingin memperbaiki sektor pelancongan untuk memenuhi piawaian sezaman dan objektif persekitaran. Pengiktirafan diberi secara beransur-ansur terhadap pentingnya membangunkan pelancongan bersama-sama sektor lain dengan cara yang bersepadu dengan mengekalkan sumber untuk kegunaan yang berterusan, di samping membantu memelihara dan bukan merosakkan kawasan semulajadi dan warisan sejarah.

## **1.2 Pernyataan Masalah**

Pembangunan industri pelancongan di Negeri Kelantan masih lagi banyak yang perlu diterokai. Secara perbandingan dengan neger-negeri lain, Negeri Kelantan masih lagi terkebelakang dari segi pembangunan kemudahan pelancongan dan rekreasi walaupun Kelantan mempunyai kepelbagaiuan sumber pelancongan yang menarik. Ketibaan pelancong ke Kelantan sentiasa meningkat dari tahun ke tahun iaitu 4,521,000 orang pada tahun 2003, tahun 2004 seramai 4,857,260 orang dan bagi tahun 2005 ketibaan pelancong adalah seramai 5,312,115 orang. Keadaan ini member gambaran bahawa walaupun kekurangan kemudahan pelancongan, Kelantan masih lagi menjadi negeri pilihan untuk dilawati kerana mempunyai kelebihan tersendiri.

Oleh sebab itu, pelbagai usaha telah dijalankan oleh Kerajaan Negeri Kelantan bagi meningkatkan sumbangan sektor pelancongan kepada pertumbuhan ekonomi negeri Kelantan. Ini jelas dapat dilihat melalui usaha-usaha kerajaan negeri Kelantan yang telah banyak menyediakan prasarana-prasarana bagi meningkatkan jumlah kedatangan pelancong asing, mahupun pelancong tempatan yang sekaligus akan membantu meningkatkan pendapatan, hasil dan juga ekonomi negeri. Ia dapat dilihat dengan adanya tempat-tempat pelancongan seperti Pasar Besar Siti Khadijah, Bazar Buluh Kubu, Gelanggang Seni serta pusat membeli belah seperti pasaraya Tesco, KB Mall, Parkson dan pelbagai lagi tempat yang menarik minat pelancong. Oleh yang demikian timbul persoalan tentang apakah sumbangan sektor pelancongan kepada ekonomi negeri sehingga ia dijadikan sebagai satu sektor yang diberikan tumpuan yang khusus dalam meningkatkan ekonomi negeri ini. Selain daripada itu adakah ia, memberi kesan positif ataupun tidak. Semua persoalan tersebut akan cuba dijawab dalam kajian ini.

### **1.3 Objektif Kajian**

#### **1.3.1 Objektif umum**

Kajian ini dijalankan bagi mengenalpasti kesan sektor pelancongan di negeri Kelantan kepada pertumbuhan ekonomi negeri Kelantan.

#### **1.3.2 Objektif khusus**

- a) Untuk menganalisis sumbangan sektor pelancongan kepada ekonomi Kelantan.
- b) Untuk mengenalpasti faktor yang menyebabkan kedatangan pelancong ke Kelantan.
- c) Untuk mengkaji kesan kadar perbelanjaan oleh pelancong terhadap ekonomi negeri Kelantan.

## **1.4 Metodologi Kajian**

Bagi mendapatkan gambaran sebenar mengenai sumbangan sektor pelancongan dan kesannya kepada ekonomi negeri Kelantan, pengkaji akan menggunakan data sekunder yang diperolehi dan akan diuji dan dianalisis menggunakan ujian-ujian tertentu menggunakan Perisian Ekonometrik Views (E-Views). Bagi mencapai objektif kajian, ujian-ujian ekonometrik bersifat integrasi diguna pakai agar dapat mengukuhkan hasil keputusan kajian. Antaranya ialah ujian Johansen dan kointegrasi. Segala hasil penganggaran dari model ujian digambarkan menggunakan jadual serta rajah yang bersesuaian dengan tema utama kajian. Model yang boleh dibuktikan adalah sebagaimana berikut :

### **Model Pertama :**

$$\text{LNAsing} = \beta_0 + \beta_1 \text{InIndeks} + \beta_2 \text{LnPerbelanjaan} + \mu$$

Di mana :

LNAsing	= Jumlah kedatangan pelancong asing
InIndeks	= Indeks Harga Pengguan
LnPerbelanjaan	= Kadar perbelanjaan per malam

### **Model Kedua :**

$$\text{LnTemptan} = \beta_0 + \beta_1 \text{InIndeks} + \beta_2 \text{LnPerbelanjaan} + \mu$$

Di mana :

LNTemptan	= Jumlah kedatangan pelancong tempatan
InIndeks	= Indeks Harga Pengguan
LnPerbelanjaan	= Kadar perbelanjaan per malam

Pengukur yang digunakan bagi menganalisis data kajian ini adalah menggunakan perisian *Econometrics Views* (E-Views) dengan mengambil kira pendekatan Sebab-Akibat Granger, Ujian Unit Root, Ujian Korelasi, Ujian Kepegunaan, Integrasi Model dan Ko-integrasi model.

### **1.5 Skop Kajian**

Secara umumnya, kajian ini memfokuskan kepada kesan kedatangan pelancongan terhadap ekonomi negeri Kelantan. Bagi menganalisis dan membuktikan objektif yang dirangka, pengkaji akan menggunakan data sekunder bagi tempoh 15 tahun bermula pada tahun 1993 hingga tahun 2008 yang diperolehi dari Unit Perancang Ekonomi Negeri Kelantan meliputi data-data seperti data ketibaan pelancong tempatan, data ketibaan pelancong luar negara dan juga data indeks harga pengguna. Dengan usaha kajian ini dibuat, maka sektor pelancongan yang merupakan penyumbang utama ekonomi negeri dapat dijadikan sebagai penjana utama ekonomi negeri ini.

### **1.6 Kepentingan Kajian**

Ketibaan pelancong ke Kelantan sentiasa meningkat dari tahun ke tahun. Dengan prestasi yang amat menggalakan ini, Kerajaan Negeri akan berusaha supaya dapat menarik pelancong-pelancong ke Negeri Kelantan. Bagi tujuan ini, Kerajaan negeri menyedia dan menambah program-program pelancongan yang menarik dan disamping itu dari masa ke semasa meningkatkan kemudahan pelancong sedia ada. Dengan peranan yang dimainkan oleh pihak kerajaan dan pihak swasta, pembangunan sektor ini dapat dijana dengan lebih cepat. Kajian ini amat penting untuk dijalankan bagi mengenalpasti tahap pencapaian sektor pelancongan di Kelantan dan untuk menilai sejauh mana sumbangan sektor pelancongan tersebut kepada ekonomi Negeri Kelantan.

## **1.7 Organisasi Kajian**

Bab I membincangkan mengenai pengenalan kajian yang dikaji. Di samping itu, persoalan kajian akan dikupas dan objektif diketengahkan untuk melancarkan perjalanan kajian. Selain itu, skop dan metodologi kajian juga diterangkan dengan jelas dalam bab ini.

Bab II pula merujuk kepada penerangan tajuk kajian. Justeru, pengumpulan kajian-kajian lepas daripada pelbagai sumber sekunder oleh para cendiakawan serta pakar ekonomi bagi membantu kajian dijalankan. Dalam ulasan kajian lepas, perkara yang difokuskan adalah siapa yang mengkaji, bila dikaji, apa yang dikaji, apa hasil kajian dan apa kesimpulannya.

Bab III akan menerangkan metodologi kajian dan teori yang digunakan dalam kajian untuk digunakan dalam mengkaji impak pembangunan pelancongan terhadap pertumbuhan ekonomi. Kaedah yang akan digunakan adalah kaedah Econometric Views (E-views) yang menggunakan senarai data sekunder untuk dijadikan pembolehubah bersandar dan tidak bersandar. Model yang akan digunakan dalam kajian ini secara menyeluruh juga akan dijelaskan dalam bab ini.

Bab IV pula merujuk kepada penganalisisan hasil keputusan keseluruhan kajian dengan menggunakan pelbagai ujian. Setiap keputusan akan diuraikan dengan jelas serta dipersembahkan dalam bentuk graf, rajah dan jadual. Beberapa intepretasi hasil dari keputusan yang diperolehi akan diutarakan dalam bab ini.

Bab V merupakan bab terakhir di dalam kajian ini. Bab ini akan merumuskan hasil kajian serta membincangkan polisi, dasar dan cadangan berdasarkan kepada kajian ini agar dapat mencari jalan penyelesaian apakah kesan pembangunan pelancongan dapat mempengaruhi pertumbuhan ekonomi negeri tersebut dan juga kepada negara.

## **1.8 Jangkaan Keputusan**

Terdapat beberapa jangkaan yang akan diperolehi pada akhir kajian ini. Jangkaan pertama ialah merujuk kepada faktor pelancong asing mahupun pelancong tempatan datang melancong ke Kelantan dapat dikenalpasti. Jangkaan kedua ialah jumlah sebenar sumbangan sektor pelancongan kepada Keluaran Dalam Negara Kasar Negeri Kelantan dapat dikenalpasti. Jangkaan seterusnya ialah merujuk kepada purata kadar bermalam dapat dianalisis dan jumlah yang sebenar dapat diketahui.. Ia dijangkakan bahawa akan memberi hubungan yang positif kepada ekonomi negeri Kelantan.

## **1.9 Kesimpulan**

Sektor pelancongan merupakan antara penyumbang terpenting kepada ekonomi Negeri Kelantan. Sumbangan sektor ini memberi impak kepada beberapa subsektor lain seperti penjajaan, perkhidmatan pengangkutan, peruncitan, perkhidmatan kewangan, percetakan dan sebagainya. Sehubungan itu kerajaan negeri akan meningkatkan usaha bagi memastikan subsektor pelancongan terus menjadi antara penyumbang terpenting kepada ekonomi Kelantan. Pembangunan yang menyeluruh dan terancang dengan mengambil kira faktor pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar, promosi dan pemasaran yang profesional dan agresif, serta penglibatan semua lapisan masyarakat dalam subsektor pelancongan perlu dilaksanakan dengan berkesan bagi mencapai impaknya dalam tempoh terdekat.

## **BAB II**

### **LATAR BELAKANG KAJIAN & KAJIAN LEPAS**

#### **2.1 Pengenalan**

Bab ini akan memfokus kepada latar belakang kajian dan kajian lepas dengan mengemukakan definisi pelancong dan melancong secara umum, latar belakang negeri Kelantan dari segi sejarah, geografi, demografi serta ekonomi dan prospek, profil sektor pelancongan negeri Kelantan iaitu meliputi sektor pelancongan di Kelantan, objektif sektor pelancongan di Kelantan, strategi, produk-produk pelancongan, kemudahsampaian, tren kedatangan pelancong, serta sumbangan sektor pelancongan dan akhir sekali mengenai latar belakang sektor pelancongan negeri Kelantan iaitu meliputi agensi pelancongan, hotel, homestay, pengangkutan dan juga pamandu pelancong.

## **2.2 Pelancongan**

Pelancongan merupakan satu aktiviti ekonomi di mana ia mampu membawa rezeki dan kebaikan kepada komuniti. Pelancong mempunyai motif melancong yang berlainan. Dalam kes tertentu, kemudahan membeli-belah telah dibangunkan sebagai satu motif utama melancong. Oleh itu, pembangunan dari segi tarikan kemudahan membeli-belah telah menjadi satu alat yang penting untuk mempromosikan pelancongan. Kawasan membeli-belah yang menarik termasuk merangkumi kepelbagaian barang dari pihak penjual terutamanya dari segi keunikannya, mempunyai pelbagai jenis kedai yang memaparkan imej kualiti tinggi, mempunyai kemudahan sokongan seperti restoran dan kemudahan hiburan serta mempunyai kawasan pejalan kaki, kemudahsampaian dan mempunyai kemudahan letak kereta serta kepelbagaian fungsi alam sekitar yang menjamin kawasan keselesaan terhadap para pelancong.

Terdapat teori yang mengatakan sektor informal akan hilang apabila sesebuah negara mencapai pembangunan dan teori tersebut telah dibangkang di mana informal sektor dikatakan tidak akan hilang sebegitu sahaja dalam proses urbanisasi dan modernisasi. Dalam pelancongan, sektor informal merupakan satu sektor yang amat kuat dan usaha harus diambil untuk mencapai pemahaman yang lebih baik dan penyertaan dalam sektor ini serta hubungannya dengan formal sektor. Sebagai satu industri, pelancongan mempunyai potensi untuk mencetuskan lebih banyak peluang pekerjaan kepada sektor informal dan sektor formal. Mengikut Murphy, 1985 Pembangunan pelancongan harus menemui keseimbangan keperluan antara residen (individu dan peniaga) dan pelancong.

### **2.2.1 Definisi Pelancong**

Definisi pelancong ialah individu yang membuat lawatan ke sesuatu tempat yang jauh dari rumahnya dengan tujuan mencari keseronokan dan bersantai. Mengikut Seksyen 2 Akta Industri Pelancongan 1992 (Akta 482) menyatakan pelancong bererti mana-mana orang, sama ada dia adalah seorang warganegara Malaysia atau selainnya, yang melawat mana-mana tempat di dalam Malaysia untuk apa-apa maksud yang berikut ;

- Hiburan, rekreasi atau percutian
- Kebudayaan
- Agama
- Melawat saudara mara atau kawan
- Sukan
- Perniagaan
- Mesyuarat, persidangan, seminar atau konvensyen
- Pengajian atau penyelidikan
- Apa-apa maksud lain yang tidak berhubungan dengan suatu pekerjaan yang mendapat saranan daripada tempat dilawati itu.

Melancong termasuklah bersiar-siar, membeli-belah, melawat ke tempat-tempat menarik atau hiburan dan lain-lain aktiviti yang biasanya dilakukan oleh seseorang pelancong. Pelancongan dalam negeri bererti pelancongan ke atau di Malaysia atau mana-mana tempat dalam Malaysia. Manakala pelancongan keluar negeri bererti pelancongan ke atau di mana-mana di luar Malaysia. World Tourism Organization (WTO) (1993) pula merumuskan bahawa pelancongan merupakan gabungan aktiviti yang dijalankan oleh individu yang bergerak dan tinggal di sesuatu destinasi di luar persekitaran biasa mereka tidak melebihi tempoh setahun untuk berhibur, menjalankan perniagaan dan tujuan-tujuan lain.

Manakala melancong pula ialah segala aktiviti dan penggunaan perkhidmatan sokongan oleh individu/kumpulan yang mengembara ke satu tempat di luar rutin harian mereka dan menetap sekurang-kurangnya 24 jam tetapi tidak melebihi satu tahun dengan tujuan samada untuk bercuti, bersantai, beribadat, urusan perniagaan atau lain-lain tujuan selagi tidak menetap dan/atau memperolehi apa-apa upah di tempat tersebut.

## **2.2.2 Sektor Pelancongan Di Malaysia**

Apabila kerajaan mula melaksanakan Tahun Melawat Malaysia pada tahun 1990, usaha ini menunjukkan bahawa kerajaan semakin memberikan perhatian yang serius kepada industri pelancongan kerana langkah ini berpotensi memajukan ekonomi negara. Setiap tahun bilangan pelancong yang datang ke Malaysia semakin meningkat. Ini kerana pelancongan merupakan industri perkhidmatan utama yang kian berkembang maju dan mendatangkan keuntungan besar dalam bentuk tukaran asing serta memasyhurkan Malaysia di mata dunia. Pada tahun 2000, seramai 10.2 juta orang pelancong termasuk pelancong domestic yang datang berkunjung ke Malaysia yang menghasilkan pendapatan RM20 bilion, termasuk RM17 bilion daripada pertukaran asing (Berita Harian, 9 Jun 2001). Angka tersebut melebihi jangkaan 6.4 juta pelancong yang diramalkan akan datang ke Malaysia. Malaysia juga merupakan negara ketiga paling ramai menerima pelancong di Asia Timur selepas China dan Hong Kong. Malaysia merupakan destinasi pelancongan tropika indah yang sangat berpotensi di Asia yang bukan sahaja dapat menarik pelancong antarabangsa tetapi juga menawan warga tempatan. Ia dapat dibuktikan melalui rajah dibawah.

**Jadual 2.1 Jumlah kedatangan pelancong ke Malaysia mengikut Negara pada tahun 2005 dan 2006**

<b>Negara</b>	<b>2005</b>	<b>2006</b>
Singapore	826,099	791,897
Thailand	146,614	167,981
Indonesia	79,550	99,721
Brunei	51,144	52,848
China	26,485	39,887
Japan	30,401	31,716
Taiwan	12,271	14,421
Hong kong	3,785	6,874
Korea selatan	11,461	15,051
India	15,117	20,572
Canada	3,039	3,431
U.S.A	12,364	14,033
Australia	27,641	29,981
German	4,899	5,741
Russia	2,159	3,068
Italy	1,818	2,566
Denmark	1,046	1,334
<b>Jumlah</b>	<b>1,255,893</b>	<b>1,301,122</b>

(Sumber : Jabatan Imigresen 2006)

Salah satu daripada kebaikan sektor pelancongan ialah kita dapat memperkenalkan negara Malaysia ke seantero dunia. Misalnya, melalui kejohanan perlumbaan kereta Formula 1 di litar Sepang dan penganjuran Sukan Komanwel 1998, kita dapat mempromosikan negara dikalangan peminat sukan dunia. Selain itu, negara juga mampu membuktikan kemampuan menjadi tuan rumah bagi sukan berprestij dunia yang lengkap dengan pelbagai kemudahan prasarana yang mampu menjadi destinasi sukan dunia. Slogan ‘‘Malaysia Boleh’’ telah membuktikan keupayaan negara kita dalam penganjuran sukan yang bertaraf antarabangsa tersebut.

Sektor pelancongan juga mampu meningkatkan ekonomi negara dari segi pengaliran wang asing masuk ke dalam negara. Pelancong yang datang dari negara luar akan terpaksa menukar mata wang negara mereka kepada mata wang Ringgit Malaysia sebelum boleh berbelanja di sini. Ini dapat dilakukan sama ada di bank-bank tempatan mahupun di pusat pertukaran mata wang asing. Mata wang asing ini kemudian disimpan untuk digunakan ketika membiayai perbelanjaan mengimport barang dari luar negara. Peniaga mata wang asing juga mendapat keuntungan daripada perniagaan yang dijalankan. Pengaliran masuk mata wang asing ke negara kita bukan sahaja menguntungkan entiti perniagaan bahkan dapat digunakan untuk membeli barang keperluan asas untuk rakyat tempatan dari luar negara.

Sektor pelancongan juga akan dapat memajukan industri kraf tangan di Malaysia. Barang kraf tangan buatan rakyat tempatan bukan sahaja bermutu dan cantik sama ada dari segi rekabentuk bahkan harga yang ditawarkan amat berpatutan dan sesuai dijadikan sebagai cenderahati seperti kain batik, seramik, kayu, perak, kaca dan kulit. Pelancong pasti membeli salah satu barang kraf tangan buatan Malaysia seperti batik, kain songket, dan lain-lain sebagai *buah tangan* atau *ole-ole* buat keluarga atau rakan mereka. Kedatangan pelancong asing ke Malaysia bukan sahaja memajukan dan mengembangkan industri kraf tangan ke luar negara kita bahkan menjadi periuk nasi kepada pengusaha kraftangan tempatan.

Selain daripada itu, sektor pelancongan juga dapat memajukan bidang perniagaan di Malaysia. Pelancong asing yang datang ke Malaysia memerlukan tempat penginapan, makanan dan minuman, perkhidmatan pengangkutan, juru pandu pelancong dan perkhidmatan lain. Pelancong asing amat menggemari makanan sama ada makanan tradisional mahu pun makanan barat di Malaysia. Mereka diberi pilihan yang amat banyak sama ada menikmati makanan di hotel bertaraf lima bintang, medan selera yang besar dan berhawa dingin mahupun di kedai dan warung yang terletak di tepi jalan. Mereka juga boleh menikmati hidangan makanan laut di restoran yang didirikan secara terapung di atas air.

Permintaan yang tinggi terhadap makanan ini mewujudkan peluang perniagaan yang luas kepada usahawan tempatan. Pusat-pusat penginapan juga giat dibina *bagai cendawan tumbuh selepas hujan* di kawasan peranginan seperti di pulau dan tepi pantai. Pelancong juga memerlukan perkhidmatan pengangkutan untuk bergerak dari satu lokasi pelancongan ke lokasi yang lain. Ini membolehkan pengusaha bidang pengangkutan seperti bas, teksi, van, bot, feri dan lain-lain mendapat peluang untuk menjalankan perniagaan. Tidak dinafikan peluang yang datang memberi rezeki yang melimpah ruah kepada peniaga yang ringan tulang.

Sektor pelancongan dapat memperkenalkan budaya Malaysia yang unik lagi istimewa kepada dunia luar. Hal ini demikian kerana Malaysia mempunyai penduduk yang berbilang kaum dan etnik seperti Melayu, Cina, India, Kadazan, Murut, Iban dan lain-lain. Kaum-kaum di negara kita yang mempunyai adat, budaya dan cara pemakanan yang berbeza dan istimewa mampu menarik minat pelancong asing. Selain itu, sektor pelancongan dapat mempromosikan warisan budaya yang *tak lapuk dek hujan dan tak lekang dek panas* ke serata dunia. Pelancong yang datang ke suatu destinasi pelancongan boleh dihidangkan dengan persembahan kesenian tradisional misalnya wayang kulit, makyung, dikir barat, ronggeng dan kuda kepang. Mereka juga diberi peluang untuk mencuba permainan tradisional seperti sepak raga, galah panjang, congkak, batu seremban dan lain-lain. Pakaian tradisional seperti baju kurung yang diperbuat daripada kain batik dan songket boleh cuba dipakai oleh pelancong asing. Keseronokan pengalaman yang dibawa pulang ke negara asal pelancong akan menjadi memori indah yang akan menggamit mereka untuk datang semula ke negara kita. Keunikan budaya masyarakat Malaysia yang berjaya dipromosi melalui sektor pelancongan sebenarnya memberi imej yang sangat baik kepada negara Malaysia.

## **2.3 Latar Belakang Negeri Kelantan**

### **2.3.1 Sejarah**

Kelantan Darulnaim atau nama pendeknya Kelantan merupakan salah satu daripada 14 buah negeri di Malaysia yang kaya dengan sumber asli. Mempunyai keluasan lebih kurang 14,922 km<sup>2</sup>, terletak di timur laut Semenanjung Malaysia, berhadapan dengan Laut China Selatan, dan bersempadan dengan Thailand. Kelantan ialah sebuah negeri agraria (pertanian) yang mempunyai banyak kawasan tanaman padi dan perkampungan nelayan. Berdasarkan pada Bancian Tahun 2000, Kelantan mempunyai seramai 1,313,014 orang penduduk dimana Kaum Melayu merupakan kaum yang terbesar dengan 95%, diikuti dengan kaum Cina 3.8%, kaum India 0.3% dan lain-lain kaum 0.9%. Berdasarkan bancian tersebut, 95% penduduknya beragama Islam, diikuti dengan agama Buddha 4.4%, Kristian 0.2%, Hindu 0.2% dan lain-lain agama 0.2%.

Nama "Kelantan" dikatakan berasal daripada perkataan "gelam hutam", iaitu nama Melayu bagi pokok *Melaleuca leucadendron*. Ada juga yang mengatakan bahawa namanya datang daripada perkataan "kilatan" atau "kolam tanah". Selain itu Negeri Kelantan juga dikenali dengan nama *Tanah Serendah Sekebun Bunga, Tanjung Pura, Negeri Cik Siti Wan Kembang* dan serambi mekah pada masa dahulu. Sejarah awal Kelantan tidak begitu jelas, tetapi penemuan arkeologi menunjukkan kesan petempatan manusia di zaman prasejarah. Kelantan awal mempunyai perhubungan dengan Empayar Funan, Empayar Khmer, Srivijaya dan Siam. Kira-kira 1411, Raja Kumar, raja Kelantan, membebaskan negeri itu dari Siam. Beliau memakai gelaran Sultan Iskandar Shah apabila memeluk Islam. Kelantan kemudian menjadi sebuah pusat perdagangan yang penting pada akhir abad ke-15.

Pada 1499, Kelantan menjadi negeri Kesultanan Melaka. Dengan kejatuhan Melaka pada 1511, Kelantan dibahagikan dan diperintah oleh ketua-ketua kecil. Dengan ancaman oleh Siam pada 1603, kebanyakan ketua kecil Kelantan bernaung di bawah Persekutuan Pattani Besar. Kerajaan pusat di Pattani membahagikan Kelantan kepada 4 wilayah iaitu Kelantan Timur, Kelantan Barat, Legeh dan Ulu Kelantan. Kira-kira 1760, seorang putera raja Kelantan Barat berjaya dalam penyatuan wilayah Kelantan sekarang. Tidak lama kemudian, pada 1764, Long Yunus iaitu putera raja Kelantan Timur, anak Long Sulaiman berjaya merampas takhta kerajaan dan mengisyiharkan diri sebagai Raja Kelantan. Walaubagaimanapun, dengan kemangkatannya, Kelantan dipengaruhi oleh Terengganu.

Pada 1800, Raja Muhammad mengisyiharkan diri sebagai sultan pertama Kelantan. Pada 1812, baginda melepaskan diri daripada pengaruh Terengganu dan menjadi negara ufti Siam yang berasingan. Pada 1820-an, Kelantan merupakan salah satu daripada negeri yang terbanyak penduduk serta termakmur di Semenanjung Tanah Melayu kerana berjaya mengelakkan perang dan pertikaian yang menimpa negeri-negeri di selatan dan barat. Siam terus memainkan peranan yang mustahak di Kelantan pada seluruh abad ke-19.

Di bawah syarat Perjanjian British-Siam pada 1909, Siam menyerahkan Kelantan, Terengganu, Kedah dan Perlis kepada Britain dimana Kelantan menjadi salah satu daripada Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu di bawah Residen British. Kelantan merupakan negeri pertama di Malaya yang ditakluk oleh Jepun yang menyerangnya pada 8 Disember 1941. Semasa pendudukan Jepun, Kelantan sekali lagi dikawal oleh Siam, tetapi selepas kekalahan Jepun pada Ogos 1945, Kelantan kembali kepada pemerintahan British. Kelantan menjadi sebahagian Persekutuan Tanah Melayu pada 1 Februari 1948 dan bersama-sama dengan negeri lain, mencapai kemerdekaan pada 31 Ogos 1957. Pada 16 September 1963, Kelantan menjadi salah satu daripada negeri-negeri yang membentuk Persekutuan Malaysia.

### **2.3.2 Geografi**

Kelantan terletak di timur laut semenanjung Malaysia, berhadapan dengan Laut China Selatan dan bersempadan dengan Thailand. Kelantan kaya dengan sumber asli tempatan dan berkeluasan 14,922 kilometer persegi. Kelantan agak terpisah dari negeri-negeri lain akibat Banjaran Titiwangsa. Negeri ini terbahagi kepada 10 jajahan iaitu, Kota Bharu, Pasir Mas, Tumpat, Pasir Puteh, Bachok, Kuala Krai, Machang, Tanah Merah, Jeli dan Gua Musang. Bandar utama di negeri Kelantan termasuk Kota Bharu (ibu negeri), Pasir Puteh, Pasir Mas, Kuala Krai, Jeli, Rantau Panjang dan Pangkalan Chepa.

Bagi iklim di kelantan pula, ia mengalami iklim tropikal yang baik, di mana hampir setiap tahun hujan turun dengan berselang-seli mengikut bulan tertentu. Biasanya, hujan yang lebat akan berterusan selama beberapa hari atau selama beberapa bulan. Bulan-bulan yang mengalami hujan yang paling kerap ialah bulan November, Disember dan Januari, iaitu pada musim tengkujuh. Suhu setiap hari dianggarkan lebih kurang 21 °C.

### **2.3.3 Budaya**

Kelantan merupakan negeri yang berjiran dengan wilayah-wilayah selatan Thailand yang dikenali dahulu sebagai Negeri Patani Darul Salam. Dari segi sejarahnya, Kelantan mempunyai hubungan sejarah yang sangat akrab dengan Kesultanan Melayu Patani yang didokongi oleh Kesultanan Melayu Islam. Di mana Kesultanan Melayu Kelantan mempunyai pertalian darah dengan Kesultanan Melayu Patani dan juga Kesultanan Melayu Negeri Champa. Setelah Kesultanan Melayu Patani dikhianati oleh Siam dan British maka ia telah didemonisasi oleh Thailand. Negeri Patani telah dipecahan kepada wilayah-wilayah kecil yang terdiri dari Yala(Jala), Narathiwat(Menara), Patani dan Songkla(Senggora). Di bawah perjanjian British-siam pada tahun 1948 demografi pemerintahan selatan Siam telah dipisahkan. Kelantan di bawah Malaysia manakala negeri-negeri Patani di bawah Thailand.

Oleh yang demikian Kelantan mempunyai budaya yang unik yang sangat berkait rapat dengan budaya Negeri Patani. Asimilasi antara budaya Melayu, Siam dan Islam menghasilkan permainan rakyat seperti Dikir Barat, Main Puteri, Mak Yong dan seumpamanya. Mak Yong dipengaruhi oleh budaya Siam (Thailand), sementara Dikir Barat pula mempunyai unsur-unsur Islam. Main Puteri pula dikatakan diresapi oleh budaya

#### **2.3.4 Demografi**

Berdasarkan pada Bancian Tahun 2000, Kelantan mempunyai seramai 1,313,014 orang penduduk. Kaum Melayu merupakan kaum yang terbesar dengan 95%, diikuti dengan kaum Cina 3.8%, kaum India 0.3% dan lain-lain kaum 0.9%. Berdasarkan bancian tersebut, 95% beragama Islam, diikuti Buddha 4.4%, Kristian 0.2%, Hindu 0.2% dan lain-lain agama sebanyak 0.2%.

**Jadual 2.2 Peratusan Penduduk Di Kelantan Mengikut Kaum**

<b>BIL</b>	<b>KAUM</b>	<b>JUMLAH(ORANG)</b>	<b>PERATUS</b>
1	MELAYU	1,286,754	98%
2	CINA	49,895	3.8%
3	INDIA	3,939	0.3%
4	LAIN-LAIN	11,813	0.9%
<b>JUMLAH</b>		<b>1,313,014</b>	<b>100%</b>

**(Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia,2005)**

**Jadual 2.3 Jumlah Penduduk Di kelantan Mengikut Daerah**

<b>Daerah</b>	<b>Taburan penduduk ( orang)</b>
Kota bharu	425,294
Pasir mas	172,692
Tumpat	140,989
Bachok	116,128
Pasir puteh	111,001
Tanah merah	108,228
Kuala krai	97,836
Machang	82,653
Gua musang	80,167
Jeli	38,185
<b>Jumlah</b>	<b>1,373,173</b>

**(Sumber : Jabatan Perangkaan Malaysia,2005)**

Berdasarkan anggaran penduduk Jabatan Perangkaan Malaysia (tahun 2005), Kota Bharu mempunyai jumlah penduduk yang terbesar iaitu seramai 425,294 orang manakala Jeli mempunyai jumlah penduduk terkecil iaitu seramai 38,185 orang. Kadar Pertumbuhan Tahunan Purata (1991 - 2000) bagi negeri Kelantan ialah 0.9%. Kepadatan penduduk ialah seramai 87 orang setiap kilometer persegi. Hanya 34.2% dari populasi Kelantan adalah penduduk bandar.

### **2.3.5 Ekonomi dan Prospek**

Ekonomi Kelantan adalah berasaskan pertanian padi, getah dan tembakau. Kegiatan menangkap ikan di persisiran pantai sepanjang 96-kilometer turut merupakan aktiviti ekonomi yang penting. Industri kecil-kecilan yang menggunakan kemahiran tradisi dalam penghasilan kraftangan seperti batik, ukiran kayu dan tenunan songket juga agak meluas. Selain itu, kegiatan pembalakan juga aktif kerana ia keluasan hutan Kelantan masih banyak. Beberapa tahun kebelakangan ini, pelancongan, terutamanya ke pulau-pulau makin popular. Pasar Besar Siti Khadijah di pusat bandar Kota Bharu masih merupakan tarikan utama. Kebanyakan peniaga di sini adalah wanita dengan deria perniagaan bagus. Kelantan merupakan antara negeri termiskin di Malaysia, dengan KDNK per kapita sekitar RM6000, kira-kira satu pertiga negeri kaya seperti Selangor dan Pulau Pinang. Bagaimanapun, ramai penduduk Kelantan yang bekerja sendiri, dan data ini tidak termasuk dalam perkiraan KDNK

## **2.4 Profil Sektor Pelancongan Negeri Kelantan**

### **2.4.1 Objektif Sektor Pelancongan**

Terdapat beberapa objektif dalam memajukan sektor pelancongan di negeri Kelantan. Antaranya ialah

- i) Memajukan industri pelancongan yang lestari bagi menjanakan sumber pendapatan & pekerjaan.
- ii) Mempromosikan sektor pelancongan secara profesional, efektif dan berterusan bagi memenuhi kehendak dan citarasa pelancong antarabangsa dan domestik.
- iii) Memperkuuhkan dan mempertingkatkan sistem penyampaian perkhidmatan yang berkualiti bagi menjamin kepuasan pelancong dan kumpulan sasaran

## **2.4.2 Produk-Produk Pelancongan**

Terdapat pelbagai produk pelancongan di negeri Kelantan, antaranya ialah tempat-tempat yang menarik seperti kawasan bersejarah, pusat membeli-belah, keindahan alam semulajadi yang sesuai untuk bersantai seperti di kawasan pantai maupun kawasan air terjun, dan juga kepelbagaian makanan tempatan yang enak dan murah yang menarik perhatian pelancong.

### **2.4.2.1.Pusat Membeli-belah**

Jika pelancong berkunjung ke negeri Kelantan tidak sah jika mereka tidak singgah ke pasar utama di Kota Bharu seperti Pasar Besar Siti Khadijah , Pasar Besar MPKB dan Bazar Buluh Kubu untuk membeli pelbagai barang dan cenderamata sebagai kenangan. Ketiga-tiga pasar utama tersebut terletak di tengah-tengah pusat bandar Kota Bharu. Selain menjual pakaian, makanan dan barang dapur, beraneka barang perhiasan seperti perak dan tembaga juga boleh didapati di sini

#### **a) Pasar Besar Siti Khadijah**

Nama asal Pasar Besar Siti Khadijah ialah Pasar Besar Buluh Kubu. Walaubagaimanapun ia telah ditukar namanya kepada nama ini oleh Menteri Besar Kelantan iaitu Y.A.B Tuan Guru Dato' Nik Abdul Aziz Bin Nik Mat sebagai tanda penghormatan kepada kaum Hawa, memandangkan majoriti peniaganya terdiri daripada golongan wanita. Satu pemandangan yang unik di pasar-pasar di Kelantan ialah peniaganya yang rata-rata terdiri daripada kaum wanita yang terkenal dengan minat berniaga

Pasar ini mempunyai 4 tingkat dan berbentuk segi lapan. Tingkat bawah dikhatuskan untuk barang basah seperti ikan, sayur-sayuran, ayam dan sebagainya. Tingkat 1 pula diperuntukkan kepada barang makanan kering seperti serunding, iaitu sejenis makanan Kelantan yang sangat terkenal. Manakala tingkat 2 dan 3, untuk barang bukan makanan. Pasar ini terletak bersebelahan dengan Bazar Buluh Kubu

### **b) Bazar Buluh Kubu**

Basar Buluh Kubu terletak bersebelahan dengan Pasar Besar Siti Khadijah. Ia mempunyai 4 aras dan satu aras bawah khusus untuk meletak kenderaan. Bazar ini menjual pelbagai barang seperti barang hasil kraftangan, kain dan baju batik, songket, cenderamata, pakaian dan sebagainya. Medan Selera pula terletak di tingkat paling atas. Selain menjual pakaian, makanan dan barang dapur, beranika barang perhiasan seperti perak, tembaga dan barang ukiran kayu juga boleh didapati di sini.

### **c) KB Bazaar**

KB Bazaar merupakan sebuah lokasi baru perniagaan di bandar Kota Bharu dijangka muncul sebagai lokasi 'bisnes' terulung di Kelantan sekiranya mendapat sokongan padu golongan usahawan dan penduduk tempatan. KB Bazaar merupakan satu lokasi perniagaan strategik untuk Bumiputera. Ia terletak di Jalan Hamzah, bersebelahan dengan KB Mall. Produk yang ditawarkan di KB Bazaar termasuk batik, barang perak, hiasan dalaman, pakaian siap, kain ela, barang antik, kraftangan rakyat Kelantan dan peralatan elektrik.

### **d) Pengkalan Kubor**

Pengkalan Kubor ialah sebuah bandar sempadan Malaysia di sempadan Malaysia-Thailand di utara negeri Kelantan. Bersempadan dengan Tak Bai, ia mempunyai kawasan bebas cukai yang menjual barang-barang, terutamanya pakaian, kasut dan peralatan dapur pada harga yang amat berpatutan dan telah menarik banyak pengunjung ke sini. Pengkalan Kubor mempunyai pos pemeriksaan Imigresen yang membolehkan kemasukan dan keluar orang ramai di antara Malaysia dan Thailand. Di siang hari, perkhidmatan feri membawa penumpang menyeberangi sungai ke Tak Bai dengan dikenakan tambang 50 sen.

#### **2.4.2.2 Tempat Bersejarah**

##### **a) Muzium Negeri Kelantan**

Muzium Negeri telah dirasmikan pembukaannya oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan Kelantan pada 6 Ogos 1990. Muzium Negeri terletak bersebelahan Bulatan (Medan) Tuan Padang dalam kompleks bangunan Pejabat Tanah dan Jajahan Kota Bharu. Dalam kompleks yang sama juga terletak Pusat Penerangan Pelancongan Negeri Kelantan (T.I.C.). Bangunan Muzium Negeri Kelantan adalah sebuah bangunan batu. Sebelum dijadikan Muzium ianya merupakan pejabat bagi Majlis Perbandaran Kota Bharu. Bangunan tersebut telah dibaikpulih dan dibuat beberapa perubahan sesuai dengan sebuah Muzium

Bahagian dalam bangunan Muzium ini juga telah diubah dengan menambah setengah tingkat lagi bagi menyediakan ruang-ruang untuk membahagikan aliran cerita yang ditetapkan bagi Muzium ini. Aliran pameran Muzium negeri ini adalah seperti berikut dimana ruang awalnya mempamerkan sejarah negeri Kelantan semenjak awal hingga kepada era moden. Pada bahagian setengah tingkat di atas pula diadakan pameran mengenai Seni Budaya Negeri Kelantan; termasuklah peralatan permainan wayang kulit, rebana ubi, makyong, menora dan lain-lain. Pada bahagian bawah bangunan pula, selain daripada ditampilkan Sejarah Negeri Kelantan ditempatkan juga pejabat am Perbadanan Muzium Negeri Kelantan, Pejabat Pengarah Muzium dan lain-lain bahagian.

##### **b) Gelanggang Seni**

Gelanggang Seni terletak di Jalan Sultan Mahmud iaitu kira-kira 2 km dari pusat bandar Kota Bharu. Kewujudan pusat ini sentiasa menjadi daya tarikan kepada para pelancong dan kepada anak-anak Kelantan yang cintakan seni warisan bangsa untuk berkampung dan mempersembahkan persembahan masing-masing. Antara persembahan yang masih digemari dan kerap diadakan ialah dikir barat, Rebana Ubi, permainan gasing, dan wau bulan. Persembahan ini diadakan pada hari Rabu setiap minggu secara bergilir-gilir.

### **2.4.2.3 Makanan tradisional**

Negeri Kelantan mempunyai pelbagai masakan dan makanan tradisional yang unik dan mempunyai keistimewaan tersendiri. Apa yang unik mengenai masakan di Kelantan adalah dari segi makanan itu sendiri, warna, bentuk dan kebanyakannya adalah agak manis. Di antara tempat-tempat yang dikunjungi untuk menjamu selera adalah di sekitar bandar Kota Bharu dan Jalan Pekeliling. Pada waktu malam, antara lokasi yang popular dikalangan pelancong tempat adalah Pasar Malam Parit Dalam dan di antara persimpangan Jalan Padang Garong dan Jalan Pengkalan Chepa. Tidak dapat dinafikan, masakan di Kelantan mempunyai pengaruh daripada Thai.

Kedudukannya yang strategik iaitu berhampiran dengan pusat perhentian bas utama dan di kelilingi oleh pusat beli-belah utama menjadikan tempat ini "hidup" sehingga ke pagi. Beraneka kuih dan lauk tradisional dan moden boleh dibeli sini dengan harga yang cukup istimewa. Ayam percik, ikan percik, nasi kerabu, nasi berlauk, nasi dagang, laksam dan somtam merupakan antara makanan yang paling "tersohor" bagi rakyat negeri Kelantan. Manakala bagi anda yang meminati kuih tradisional Kelantan ia boleh merasa kuih "tahi itik", akak, jala mas, buah tanjung, serabe, tepung pelita, dan pelbagai lagi kuih lain yang dijual di sini. Kemanisannya pasti akan menjadi kenangan yang paling manis kepada anda ketika berkunjung ke Kelantan.

#### **a) Nasi Kerabu**

Nasi kerabu merupakan hidangan nasi yang asalnya bewarna kebiruan, dan biasanya dimakan dengan ikan kering atau ayam goreng, keropok, budu dan ulam-ulaman lain. Warna biru pada nasi tersebut terhasil daripada kelopak bunga telang yang digunakan sebagai salah satu bahan didalam masakan nasi tersebut. Kini kesukaran menyediakan pewarnanya, menyebabkan ia disediakan bersama nasi putih biasa atau nasi kerabu yang berwarna kuning yang dimasak dengan menggunakan kunyit. Nasi kerabu amat popular di Kelantan dan sekarang ini ia boleh didapati di seluruh negara. Ia juga sering dimakan bersama solok lada

### **b) Nasi Dagang**

Nasi Dagang merupakan hidangan istimewa yang terkenal di Kelantan. Nasi dagang biasanya bewarna merah kerana menggunakan campuran pulut hitam. Nasi dagang dihidangkan dengan kuah nasi dagang yang dimasak dengan menggunakan rempah khas (berlainan dengan rempah kari biasa). Ikan yang digunakan biasanya ikan aya hitam (ikan tongkol). Nasi dagang dikatakan dikenali sedemikian kerana, hanya mempunyai satu lauk. Mudah, bagaikan mereka yang dalam perdagangan tanpa penyediaan lauk-pauk yang banyak.

### **c) Kueh Tahi Itik**

Kuih tahi itik merupakan sejenis kuih yang popular di Kelantan. Ia merupakan sejenis kuih yang dibuat menggunakan telur dan disira panas dalam air gula. Ia dibentuk bertempek-tempek seperti tahi itik, menurut cita rasa pembuatnya. Biasanya kuih tahi itik dibuat serentak dengan kuih jala mas atau kuih pauh dilayang, kerana kedua kuih tersebut menggunakan kuning telur, sementara tahi itik menggunakan putih telur. Kuih tahi itik disediakan dengan menggunakan putih telur yang telah diasingkan dari kuning telur. Selepas itu putih telur yang telah diasingkan itu akan disira dengan dimasak dalam air gula pekat dengan dituang sedikit demi sedikit bagi menghasilkan bentuk akhir. Biasanya kuih tahi itik tidak dibentuk dalam bentuk tertentu kerana ia pada kebiasaannya hanyalah kuih sampingan kepada penyediaan kuih lain. Kuih tahi itik biasanya tidak banyak dijual secara meluas dan kerana pembuatannya bergantung kepada ada putih telur atau tidak yang biasanya merupakan sisa dari penyediaan kuih jala mas dan seperti tengannya.

#### **2.4.2.4 Kawasan Peranginan**

Seperti negeri-negeri lain di Malaysia, Kelantan juga tidak kalah dengan pusat-pusat pelancongan yang mampu menggamit dan memukau pelancong untuk berkunjung ke negeri Kelantan. Hutan Lipur Jeram Pasu, Hutan Lipur Jerang Linang, Lata Rek, Lata Bakah, Tasik Pergau,Jeli, Pantai Cinta Berahi atau kini dikenali dengan nama Pantai Cahaya Bulan, Pantai Bisikan Bayu, Pantai Irama,Pantai Sri Tujuh, Pantai Sabak dan banyak lagi amat kaya dengan keindahan alam semulajadi yang masih kekal.

##### **a) Hutang Lipur Jeram Pasu**

Jeram Pasu adalah merupakan salah satu kawasan rekreasi hutan lipur dan air terjun yang terkenal di Pasir Puteh, Kelantan. Jeram Pasu dihubungi dengan jalan raya bertar dan pengunjung boleh ke sana dengan menaiki perkhidmatan bas awam, kereta persendirian dan taxi. Jeram Pasu terletak kira-kira 8 kilometer dari simpang Kampung Padang Pak Amat, Jalan Pasir Puteh - Kota Bharu. Mengikut sejarah dan cerita masyarakat setempat, Jeram Pasu merupakan air terjun yang terawal dibangunkan sebagai kawasan rekreasi orang ramai di Kelantan. Dibawah pentadbiran Majlis Daerah Pasir Puteh ia telah membangunkan pelbagai kemudahan untuk orang ramai seperti tempat letak kereta, surau, wakaf, tandas awam, restoran dan gerai serta kolam mandi buatan. Pengunjung juga boleh beriadah menggunakan trek denai hutan yang dibina oleh Majlis Daerah Pasir Puteh

**b) Lata Rek**

Lata Rek adalah kawasan air terjun yang cukup terkenal di negeri Kelantan. Air terjun ini diwartakan sebagai tempat perkelahan dan amat sesuai untuk seisi keluarga bersukaria dan mencari ketenangan. Kawasannya terletak berhampiran Kg. Laloh, iaitu lebih kurang 30 km dari Bandar Kuala Krai, Kelantan. Orang ramai boleh ke sana melalui Lebuhraya Kuala Krai-Gua Musang. Kebiasaanya. Lata Rek paling ramai dikunjungi pada hari Jumaat (sempena cuti hari minggu di Kelantan). Tidak ketinggalan juga bagi penuntut universiti, pelajar sekolah, tentera, polis dan badan sukarela kerap membuat pekhemahan terutama pada musim cuti sekolah. Buat masa ini, kemudahan penginapan belum disediakan oleh pihak pengurusan akibat masalah banjir yang boleh merosakkan struktur bangunan di sini terutama pada musim tengkujuh. Apapun, air terjun ini amat sesuai untuk sesi keluarga dan pekhemahan. Kedai makan, warung, pasar dan pelbagai lagi kemudahan terdapat berhampiran kawasan ini.

**c) Pantai Cahaya Bulan**

Pantai Cahaya Bulan merupakan salah satu pantai yang terkenal di negeri Kelantan. Ia terletak kira-kira 10 km dari Kota Bharu dan merupakan lokasi pendaratan pasukan tentera Jepun di Tanah Melayu untuk menyerang British pada 8 Disember 1941. Pada suatu ketika, pantai ini dikenali dengan nama Pantai Cinta Berahi dimanayang dikatakan ianya diberi oleh seorang askar British yang sedang menderita akibat cintanya tidak terbalas ketika dia di pantai ini pada masa Perang Dunia II. Walaubagaimanapun pada tahun 1989 kerajaan telah menukar nama kepada Pantai Cahaya Bulan. Sesetengah orang tempatan masih menggunakan nama lama ini pada hari ini, walaupun mereka lebih suka merujuk kepada pantai ini sebagai PCB.

Persisiran pantai ini adalah sepanjang 1.2 kilometer dimana ia terkenal dengan kawasannya yang panjang dan lebar, pasir yang cantik dan air yang jernih. Deretan pokok ru dan pokok kelapa pula menambahkan lagi kecantikan pantai ini. Oleh itu Pantai Cahaya Bulan telah menjadi tempat perkelahan yang popular di kalangan keluarga-keluarga tempatan, khususnya pada hujung minggu. Pantai ini lengkap dengan pelbagai kemudahan untuk para pengunjung, meliputi beberapa hotel, chalet, kawasan perkhemahan, kedai makan dan gerai, dan tandas awam.

Perjalanan ke pantai ini dari Kota Bharu pengunjung akan melalui satu pekan Melayu tradisional dimana ia terkenal dengan kraftangan yang penting di negeri untuk pencetakan batik, penenunan songket, dan pembuatan layang-layang serta loyang.

## **2.5 LATAR BELAKANG SEKTOR PELANCONGAN NEGERI KELANTAN**

### **2.5.1 Hotel / Penginapan**

Bagi menggalakan lagi industri pelancongan kemudahan penginapan perlu disediakan sebagai satu keperluan bagi memenuhi permintaan pelancong. Terdapat banyak kemudahan penginapan yang telah disediakan di negeri Kelantan. Antara kemudahan penginapan yang telah disediakan ialah seperti hotel, Resort, Guest House dan juga Homestay. Jumlah kemudahan yang terdapat di negeri Kelantan ini adalah seperti berikut:

**Jadual 2.4 Jumlah tempat penginapan mengikut daerah**

<b>Jenis</b>	<b>Hotel</b>	<b>Resort</b>	<b>Guest House</b>	<b>Homestay</b>
Kota Bharu	49	6	40	-
Pasir Mas	2	-	-	-
Pasir Puteh	1	1	-	-
Bachok	2	5	-	-
Gua Musang	6	-	-	-
Kuala Krai	2	-	-	-
Machang	1	-	3	37
Tanah Merah	1	-	-	-
Jeli	1	1	1	-
Tumpat	1	1	-	17
<b>JUMLAH</b>	<b>66</b>	<b>14</b>	<b>44</b>	<b>54</b>

(Sumber : Pusat Penerangan Pelancongan Negeri kelantan)

## **2.5.2 Pengangkutan**

Terdapat 2 jenis kemudahan pengangkutan untuk sampai ke negeri Kelantan. Kemudahan-kemudahan tersebut terdiri darat, udara dan air.

### **2.5.2.1 Pengangkutan darat**

Bagi kemudahan pengangkutan darat di dalam negeri Kelantan, pengangkutan yang terdapat ialah bas express yang dikenali sebagai Bas Cepat. Bas Cepat ini menghubungkan seluruh jajahan dan Bandar-bandar utama yang terdapat di Kelantan. Ia dikendalikan oleh Syarikat Kenderaan Melayu Kelantan (SKMK). Bagi pergerakan didalam kawasan Bandar, ia akan menggunakan bas mini. Bagi pengangkutan rel di dalam negeri Kelantan pula, ia daripada Wakaf Baru ke Gua Musang.

Bagi kemudahan pengangkutan darat untuk keluar daripada Kelantan, ia akan menggunakan bas express dimana ia dapat menghubungkan kesemua bandar-bandar utama di Malaysia dan singapura. Bagi pengangkutan rel pula, ia dari Wakaf Bharu ke Singapure melalui Kuala Lumpur.

### **2.5.2.2 Pengangkutan udara**

Lapangan terbang Sultan Ismail Petra yang terletak kira-kira 10 kilometer dari bandar Kota Bharu merupakan pintu masuk ke Kelantan melalui udara. Lapangan terbang ini telah beberapa kali diperbesarkan dan yang terakhir ialah pada tahun 2005. Lapangan Terbang ini mengendalikan 16 penerbangan sehari iaitu masing-masing 8 penerbangan keluar Kelantan dan 8 penerbangan masuk. 10 penerbangan dikendalikan oleh Sistem Penerbangan Malaysia (MAS) dan 6 lagi oleh Air Asia.

## **2.6 KAJIAN LEPAS**

Selepas dikaji dengan teliti, banyak kajian telah dilakukan mengenai sumbangan sektor pelancongan terhadap pertumbuhan ekonomi negara. Kajian yang dilakukan oleh Chi-Ok-Oh (2005) mengenai Sumbangan Pembangunan Pelancongan kepada Ekonomi Korea yang mana ia mengkaji hubungan diantara pertumbuhan perkembangan ekonomi bagi Negara Korea dengan menggunakan pendekatan model Vektor-Auto Regresi (VAR). Hasil kajian ini mendapati bahawa terdapat hubungan 2 hala di antara pembolehubah yang meningkatkan pertumbuhan ekonomi Negara Korea dan didapati pelancong yang datang ke Korea meningkat dari semasa ke semasa.

Haiyang Song dan Stephen F.Witt (2004) yang mengkaji mengenai peramalan aliran kedatangan pelancong asing ke Macau yang mana ianya mengubah corak pertumbuhan ekonomi Negara tersebut. Pendekatan yang digunakan dalam kajian ini ialah menggunakan Model Vektor Autoregrasi (VAR) yang digunakan untuk meramalkan kedatangan pelancong asing pada tahun 2003 hingga 2005. Dapatkan kajian menunjukkan bahawa Macau akan menerima kejutan akibat daripada peningkatan pelancong dari Tanah Besar China. Kejutan ini menyebabkan Macau dapat meningkatkan pertumbuhan ekonominya.

Manakala kajian yang dibuat oleh *Chi-Chur Chao*, mengenai hubungan antara pertumbuhan dan perkembangan ekonomi bagi ekonomi Korea menggunakan analisis Engel dan Granger menggunakan pendekatan dua tahap dan satu bivariat vektor autoregresif (VAR) model. Hasil kajian menunjukkan 2 dapatan dimana keputusan bagi ujian cointegration menunjukkan tidak wujud hubungan jangka panjang antara dua siri. Manalaka, hasil ujian Granger-causality menunjukkan ekonomi memandu pertumbuhan pelancongan.

Seterusnya kajian yang dilakukan oleh Nanthakumar Loganatham mengenai Dasar Pembangunan Pelancongan, Perikatan Strategik dak kesan Indeks Harga Pengguna mengenai ketibaan pelancong di Malaysia, banyak kajian telah menunjukkan kepentingan industri pelancongan itu dalam mempertingkatkan prestasi perdagangan dan pembangunan ekonomi. Untuk menjana analisis empirik, data terpakai kajian ini daripada 1980-2007 bagi menganalisis ekonomi didorong pertumbuhan pelancongan dengan menggunakan vektor autoregresif (VAR) anggaran. Hubungan jangka panjang antara pembolehubah-pembolehubah khusus adalah dianggap menggunakan Johansen dan Juselius cointegration analisis. Akhirnya, keputusan-keputusan Granger-causality menandakan kebersebaban ekonomi didorong pertumbuhan pelancongan di Malaysia. Oleh itu, kajian ini mencadangkan dasar-dasar dan strategi-strategi untuk mengatasi kepentingan ekonomi didorong pelancongan di Malaysia pada masa akan datang.

Menurut Laurent Botti dalam kajian yang bertajuk Satu Model Ekonometrik Mengenai Permintaan Pelancong Di Perancis, ialah mengenai kajian kes yang memberi satu gambaran keseluruhan bagi permintaan pelancongan di Perancis dengan menggunakan satu model ekonometrik. Sampul kajian tempoh di antara 1975 dan 2003. Lima negara maju telah terpilih, dan pilihan negara tersebut adalah didasarkan di atas fakta itu data selanjut itu pada semua pembolehubah berkaitan. Keputusan-keputusan itu menunjukkan satu hubungan positif antara pelancong perbelanjaan-perbelanjaan dan menjana KDNK kampung, dan satu hubungan negatif antara perbelanjaan pelancong dan harga relatif.

Kajian yang dilakukan oleh Sedighi dan Shearing (1997) mengenai kajian aliran bagi pelancong di “North East England” khususnya tertumpu di kawasan Northumbria untuk menunjukkan potensi pelancongan bagi pembangunan ekonomi wilayah tersebut. pengkaji memberi perhatian terhadap pertumbuhan pelancongan dalam wilayah dan mengaitkan pelancongan di kediaman UK di Northumbria. Hubungan jangka panjang antara permintaan pelancong tempatan dan jumlah faktor ekonomi telah mempengaruhi permintaan ini. Kajian ini dibuat dengan menggunakan analisis ko-integrasi. Kajian ini juga mencadangkan penggunaan model pembetulan ralat untuk ramalan jangka pendek bagi permintaan tempatan untuk pelancong di Northumbria

Kesan jangka panjang bagi pengkhususan dalam pelancongan ini telah diterangkan oleh Alessandro Lanza (2003). Kajian ini menunjukan bahawa pengkhususan dalam tidak mungkin dapat merosakkan kebijakan ekonomi. Syarat bagi pemberian kebijakan ini adalah diletakkan mengikut rancangan dan kewujudan diuji oleh kaedah ekonometrik melalui sistem rumus belanjawan pelancong bagi ekonomi 13 OECD. Analisis ini menggunakan teknik kointegrasi dan prosedur penamatan tarikh yang mana dimensi masa adalah kecil. Nilai anggaran parameter mencadangkan bahawa pertumbuhan jangka panjang tidak mungkin dirosakkan oleh pengkhususan pelancongan.

Bagi Haiyon Song (2003), objektif utama kajian yang dijalankan ialah untuk mengenalpasti faktor yang menyumbang kepada permintaan bagi pelancong Hong Kong bagi dengan bantuan model ekonometrik yang menghasilkan ramalan kedatangan pelancong antarabangsa ke Hong Kong bagi tempoh 2001 hingga 2008. Secara umumnya pendekatan model yang diikuti oleh ramalan pelancong Hong Kong mengikut enam belas negeri major. Keputusan imperikal mendapati bahawa faktor paling penting untuk menentukan permintaan pelancong Hong Kong adalah kos pelancongan di Hong Kong, keadaan ekonomi dalam negeri, kos pelancongan bagi destinasi asingan dan kesan “world of mouth”. Kesan jangka panjang permintaan dan ramalan kedatangan pelancong diperolehi daripada model permintaan bagi rumusan polisi industri pelancongan di Hong Kong.

## **2.7 KESIMPULAN**

Secara kesimpulannya bahawa, industri pelancongan ini sebenarnya mampu menjadi penyumbang utama kepada pertumbuhan ekonomi Negara.Ia selaras dengan teras dasar dalam tempoh rancangan iaitu untuk mencapai pertumbuhan yang pesat dalam sektor pelancongan.Justeru itu, iaanya memerlukan usaha yang lebih gigih dan memerlukan kerjasama semua pihak iaitu bukan sahaja sektor awam dan swasta tetapi juga rakyat keseluruhannya.Kejayaan pelaksanaan langkah-langkah strategic, termasuk pembangunan mampan, pendekatan menyeluruh dan bersepada, mewujudkan suasana perayaan dan carnival, pembangunan produk yang memberi tumpuan kepada kehendak pelanggan, keselesaan dan keselamatan pelancong serta peningkatan pakatan strategik dan kerjasama antarabangsa, akan menjadi daya penggerak kepada industry pelancongan bagi mencapai potensi sepenuhnya.

## **BAB III**

### **METODOLOGI KAJIAN**

#### **3.1 Pengenalan**

Perancangan dan pemilihan metodologi perlu dibuat dengan teliti dan sebaik yang mungkin bagi memastikan data yang telah dikumpul bersesuaian dengan objektif kajian yang ingin dicapai. Segala maklumat yang tidak berkaitan akan dipastikan ditolak terlebih dahulu agar kajian yang dijalankan tidak terpesong dan mempunyai maklumat yang berkaitan sahaja. Perkembangan dan pembangunan dalam sektor pelancongan ini dapat kita lihat melalui pertambahan bilangan pelancong yang datang ke Kelantan pada setiap tahun. Pertambahan ini menunjukan bahawa sektor pelancongan di Kelantan adalah berpotensi untuk menjadi destinasi pelancongan yang utama di Malaysia. Keadaan ini sekaligus dapat menjana pertumbuhan ekonomi dan membantu meningkatkan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK). Peningkatan pendapatan dalam sektor pelancongan ini membantu kerajaan dalam meningkatkan ekonomi. Oleh itu kerajaan telah memperuntukan perbelanjaan yang besar dalam meningkatkan keselesaan pelancong agar sektor pelancongan ini terus menjadi penyumbang utama terhadap pendapatan Negara. Justeru itu, kajian yang dilakukan ini akan membincangkan dan mengupas keberkesanan sumbangan sektor pelancongan terhadap KDNK mahupun sebaliknya.

### **3.2 Data Kajian**

Kajian ini akan memberi tumpuan sepenuhnya kepada pembolehubah-pembolehubah yang berkaitan dengan ekonomi yang mana ianya memberi kesan terhadap pertumbuhan ekonomi.Justeru itu, kajian ini menggunakan sepenuhnya data-data yang bersifat sekunder bagi tempoh 4 tahun dari tahun 2006 hingga 2009 dalam bentuk bulanan dijadikan sebagai siri data asas kajian. Data-data sekunder ini dikumpul dan dianalisi untuk melihat keputusan ujian yang dilakukan. Data yang bersifat sekunder ini diperolehi daripada Unit Perancang Ekonomi Negeri Kelantan dan juga Agensi Pelancongan Negeri Kelantan.

### **3.3 Spesifikasi Model Kajian**

Spesifikasi pembentukan model kajian menerangkan bahawa prosedur pengujian bersifat ekonometrik diadaptasikan pengolahan model kajian berdasarkan objektif utama kajian. Pembentukan model bagi setiap kategori akan diuraikan secara terperinci bagi memudahkan ujian dilakukan bagi menentukan sejauh mana perhubungan di antara pembolehubah berasaskan dan bebas berkait rapat. Dalam kajian impak pelancongan terhadap ekonomi negeri Kelantan, data yang akan diuji dan dianalisis ialah data sekunder. Data yang diperolehi ini akan di uji dan dianalisis dengan menggunakan kaedah Program perisian Ekonometrik Views (E-Views). Model-model seperti dibawah digunakan

#### **Model Pertama :**

$$\text{LNASING} = \beta_0 + \beta_1 \text{InIndeks} + \beta_2 \text{LnPerbelanjaan} + \mu$$

Di mana

LNASING	= Jumlah kedatangan pelancong asing
InIndeks	= Indeks Harga Pengguan
LnPerbelanjaan	= Kadar perbelanjaan per malam

## **Model Kedua :**

$$\text{LnTemptan} = \beta_0 + \beta_1 \text{InIndeks} + \beta_2 \text{LnPerbelanjaan} + \mu$$

Di mana,

$\text{LN Temptan}$  = Jumlah kedatangan pelancong tempatan

$\text{In Indeks}$  = Indeks Harga Pengguan

$\text{Ln Perbelanjaan}$  = Kadar perbelanjaan per malam

$\beta_0$ ,  $\beta_1$ , dan  $\beta_2$  merupakan koefisien yang mengukur tindakbalas perubahan pembolehubah bebas atau bersandar. Manakala  $\mu$  merupakan ralat yang terdapat dalam model yang tidak dapat dikaji.

Dalam membuat penganggaran bagi model kajian, perisian Econometric Views atau lebih dikenali sebagai E-Views telah digunakan secara menyeluruh dalam kajian ini.

### **3.4 Penilaian Model**

Penilaian model dilakukan untuk menganalisis model yang dibentuk dengan menggunakan dua bentuk pengujian iaitu ujian berdasarkan analisis kolerasi dan integrasi. Beberapa ujian akan dilaksanakan, contohnya Ujian Punca Unit, Ujian Augmented Dickey-Fuller (ADF Test, 1979), Ujian Kointegrasi, Ujian Philip-Perron (PP) dan Ujian Sebab-Akibat Granger. Pengujian tersebut dibuat bagi melihat sejauhmanakah keberkesanan model yang dicipta dalam membuat penilaian..

### **3.4.1 Model Analisis Regresi Mudah**

Kajian empirikal ini akan menggunakan kaedah kuasa dua terkecil (OLS) untuk menganggarkan model regresi mudah bagi mengkaji kewujudan hubungan antara pembolehubah-pembolehubah yang dikaji. Sehubungan dengan itu, pembentukan model regresi mudah merupakan langkah awal untuk dilakukan sebelum ujian-ujian lain misalnya ujian kepegunaan dijalankan.

### **3.4.2 Integrasi**

Kajian ini menggunakan analisis empirical di mana sebelum melakukan pengujian kointegrasi, pengkaji perlu melakukan pengujian punca unit kemudian barulah boleh melakukan pengujian kointegrasi dan seterusnya melakukan ujian penyebab antara pembolehubah yang terlibat dalam menentukan impak pelancongan terhadap ekonomi negeri.

#### **a) Ujian Punca Unit**

Ujian Punca Unit atau Ujian Kepegunaan akan dilakukan apabila pengkaji menggunakan data jenis siri masa. Pengujian tersebut bertujuan untuk mengelak mendapat penganggaran regresi palsu. Penganggaran regresi palsu ini boleh dikenalpasti sekiranya nilai  $R^2$  melebihi nilai  $d$ - Durbin Watson atau dalam erti kata lain regresi palsu terhasil akibat daripada mempunyai kepegunaan yang berbeza. Pembolehubah akan sentiasa pegun sekiranya nilai min, varian dan kovarian adalah malar terhadap masa. Sebaliknya bagi sesuatu pembolehubah yang dikatakan tidak pegun atau ketidakpegunaan (*non-stationary*) mempunyai nilai min, varian dan kovariannya adalah berubah mengikut masa. Dalam ekonometrik, pembolehubah yang mempunyai masalah ini lebih dikenali senagai “random walk”

Bagi menyelesaikan masalah ini, pengkaji perlu melakukan perbezaan terhadap pembolehubah sehingga mencapai tahap kepegunaan. Jika pembolehubah hanya dibezakan sekali sahaja, dan kemudian ia mencapai kepegunaan, kita labelkan pembolehubah ini adalah integrasi darjah pertama (*integrated of order one*) yang boleh ditulis sebagai I (1).

Seterusnya, jika pembolehubah tersebut dibezaikan sebanyak dua kali sebelum ia mencapai kepegunaan, maka ia boleh dikatakan pembolehubah tersebut adalah integrasi darjah kedua, I(2). Secara umumnya, kita boleh katakan bahawa jika pembolehubah tersebut dibezaikan sebanyak ‘n’ kali untuk menjadi pegun, maka pembolehubah tersebut dikatakan mempunyai ciri integrasi ke-n atau I(n).

Terdapat beberapa jenis ujian untuk menentukan darjah integrasi setiap siri masa. Walau bagaimanapun, kaedah yang sering digunakan dalam kajian-kajian lepas ialah *Augmented Dickey Fuller test* (ADF) yang diperkenalkan oleh Said dan Dickey (1984) dan ujian Philips dan Perron (1988). Dalam kajian ini, kedua-dua pendekatan tersebut akan digunakan.

i) ***Augmented Dickey Fuller test (ADF)***

Ujian *Augmented Dickey Fuller test* (ADF) mengandaikan bahawa faktor gangguan tidak berkolerasi dan mempunyai varian yang malar. Kaedah ADF dijalankan dengan menggunakan persamaan-persamaan dibawah :

$$\Delta \text{ININDEKS} = \beta_0 + \beta_1 \text{ININDEKS}_{t-1} + \beta_2 \text{ININDEKS}_t + \beta_3 \sum_{t=1}^n \Delta \text{ININDEKS}_{t-1} + \varepsilon_t \quad \dots \dots \dots (1a)$$

$$\Delta LNTMPTN = \beta_0 + \beta_1 LNTMPTN_{t-1} + \beta_2 LNTMPTN_{t-1} \sum_{i=1}^n \epsilon_i + \beta_3 \sum_{t=1}^{n-1} \Delta LNTMTN_{t-1} + \epsilon_t \quad \dots \dots \dots (1b)$$

$$\Delta \text{LNASING} = \beta_0 + \beta_1 \text{LNASING}_{t-1} + \beta_2 \sum_{t=1}^n \text{LNASING}_t + \beta_3 \sum \Delta \text{LNASING}_{t-1} + \varepsilon_t \quad \dots \dots \dots (1c)$$

$$\Delta \text{PERBELANJAAN} = \beta_0 + \beta_1 \text{ PERBELANJAAN}_{t-1} + \beta_2 \text{ PERBELANJAAN}_{\sum_{t=1}^6} + \beta_3 \Sigma \Delta \text{ PERBELANJAAN}_{t-1} + \varepsilon_t \quad \dots \dots (1d)$$

Dimana ;

<i>ININDEKS</i>	=	Indeks Harga Pengguna Malaysia
<i>LNTMPTN</i>	=	Jumlah Kedatangan pelancong tempatan
<i>LNASING</i>	=	Jumlah Kedatangan pelancong asing
<i>PERBELANJAAN</i>	=	Kadar perbelanjaan per-malam
<i>e</i>	=	Ralat (faktor-faktor lain)

Berdasarkan kepada persamaan (1a) hingga (1B) perubahan setiap pembolehubah tersebut memaparkan pembezaan pertama untuk siri masa kajian. Manakala, simbol  $\delta_t$  pula mewakili trend siri masa. Manakala  $e_t$  merupakan ralat gangguan putih. Hipotesis nol yang mengambilkira aspek kepegunan data adalah  $\beta = 0$ , yang bermaksud wujud ketidakpegunan data siri masa dan hipotesis alternatif adalah  $\beta \neq 0$  yang bermaksud wujud kepegunan data siri masa. Untuk menguji hipotesis ini, nilai t-statistik untuk koefisien  $\alpha_2$  akan dibandingkan dengan nilai kritikal yang dihitung oleh nilai mackinnon menerusi simulasi *Monte Carlo* (1978).

## ii) Ujian Punca Unit Phillip-Perron

Ujian Punca Unit Phillip-Perron mengambil kira masalah-masalah yang mungkin dihadapi dalam faktor gangguan tersebut, terutamanya jika varian dalam faktor gangguan adalah bersifat malar. Ujian PP pula melibatkan persamaan berikut :

$$\Delta X_t = \mu_1 + \alpha_1 X_{t-1} + \varepsilon_t \quad \dots\dots(2a)$$

$$\Delta X_t = \mu_1 + \alpha_1 X_{t-1} + \alpha_2 \psi + \varepsilon_t \quad \dots\dots(2b)$$

Dimana  $\Delta X_t$  merupakan pembezaan pertama siri masa, manakala  $X_t$  dan  $\psi$  merupakan trend siri masa. Dalam persamaan (2a) diatas, untuk menjadikan  $X_t$  pegun, nilai t-statistik dan  $Z(Ta, \mu)$  mestilah bernilai negatif serta paras signifikan yang berbeza daripada nilai sifar. Ini membuktikan bahawa ujian statistik PP adalah hasil pengubahsuaihan ujian ADF

### b)Ujian Kointegrasi

Pengujian kedua ialah untuk menilai kointegrasi terhadap data siri masa. Selepas menentukan siri masa adalah sama dengan integrasi, maka kajian ini akan menguji sama ada kombinasi linear siri adalah pegun dengan peringkat kointegrasi. Ujian kointegrasi digunakan untuk melihat hubungan jangka panjang antara pembolehubah eksogenes dan pembolehubah endogenes. Oleh itu kajian ini menggunakan teknik Johansen bagi mendapatkan keputusan kointegrasi yang mantap.

Pengukuran Ko-Integrasi melibatkan dua bentuk iaitu Nilai Maksimum Eigen dan Ujian Jejak. Ujian formal bagi bilangan pembolehubah yang berkointegrasikan antara satu sama lain adalah berdasarkan kepada Ujian Nilai Maksimum Eigen dan ia merupakan Ujian Likelihood Retio (LR). Ujian Jejak (Trace) pula berdasarkan Schwarz Bayesian Criterion (SBC) dalam menentukan bilangan lat(lag) dalam penganggaran model kajian. Ujian Nilai Maksimum Eigen dan Ujian Jejak (Trace) dijalankan dengan menggunakan persamaan-persamaan seperti di bawah :

#### **Ujian Nilai Maksimum Eigen**

$$\rho_r = -T \log (1-\lambda_1) \quad \dots\dots(3)$$

### **Ujian Jejak**

*k*

$$Q_{4\bar{r}} - T \sum \log (1-\lambda_i) \dots\dots(4)$$

Dimana  $\rho_r$  merujuk kepada penganggaran statistik bagi nilai ujian Maksimum Eigen dan  $\eta_r$  pula merujuk kepada penganggaran statistik bagi ujian Jejak. Sementara nilai  $T$  pula merujuk kepada bilangan cerapan bebas dan  $\lambda_i$  merujuk kepada nilai Eigen bagi pangkat  $i$  dan nilai  $r = 1$  atau  $r = 1$ . Untuk melihat sama ada wujudnya hubungan ko-integrasi, hipotesis berikut diaplikasikan dalam kajian ini :

$$H_0 : r_1 = 0, r \leq 1$$

$$H_1 : r_1 > 0, r \geq 1$$

Nilai  $H_0$  merujuk kepada ketidakwujudan ko-integrasi dan  $H_1$  pula merujuk kepada kewujudan aspek ko-integrasi. Kebiasaannya, data siri masa sering melibatkan trend yang tidak boleh dijangkakan dan ia boleh terhasil dalam jangka masa pendek mahupun dalam jangka masa panjang.

### **C)Ujian Sebab-Akibat Granger**

Korelasi sesama pembolehubah merupakan sesuatu keputusan yang agak subjektif dan tidak mampu memaparkan perhubungan sebenar sesama pembolehubah kajian. Oleh sebab itu, jalan terbaik untuk melihat perhubungan sedemikian adalah dengan merujuk kepada arah penyebab dengan menggunakan ujian Sebab-Akibat Granger. Bagi tujuan penganalisisan tersebut, model bersifat pegun harus diolah dalam bentuk persamaan penganggar Penyebab-Granger seperti berikut :

$$CPI_t = \delta + \sum_{t=1}^a \beta_i CPI_{t-i} + \sum_{j=1}^b \beta_j \psi_{t-j} + \mu_i \quad \dots\dots(5a)$$

$$DMT_t = \delta + \sum_{t=1}^a \beta_i DMT_{t-i} + \sum_{j=1}^b \beta_j \eta_{t-j} + \mu_i \quad \dots\dots(5b)$$

$$FRG_t = \delta + \sum_{t=1}^a \beta_i FRG_{t-i} + \sum_{j=1}^b \beta_j \zeta_{t-j} + \mu_i \quad \dots\dots(5c)$$

$$NRT_t = \delta + \sum_{t=1}^a \beta_i NRT_{t-i} + \sum_{j=1}^b \beta_j \lambda_{t-j} + \mu_i \quad \dots\dots(5d)$$

Simbol  $\delta$  merupakan pembolehubah konstan dalam persamaan (5a) hingga (5d). Sementara pekali penganggar dalam persamaan diatas diwakili oleh  $\beta_i$  dan  $\beta_j$ . Manakala, simbol  $\mu_i$  pula mewakili sebutan ralat yang tidak berkorelasi dengan nilai min sifar serta tahap ko-varians adalah terbatas. Hipotesis ujian Sebab-Akibat Granger adalah seperti berikut :

### Hipotesis I

$$H_0 : \alpha_1 = \alpha_2 = \alpha_3 = \alpha_4 = 0$$

$$H_1 : \alpha_1 = \alpha_2 = \alpha_3 = \alpha_4 \neq 0 \quad \dots\dots(6)$$

### Hipotesis II

$$H_0 : \lambda_1 = \lambda_2 = \lambda_3 = \lambda_4 = 0$$

$$H_1 : \lambda_1 = \lambda_2 = \lambda_3 = \lambda_4 \neq 0 \quad \dots\dots(7)$$

Hipotesis nol ( $H_0$ ) diterima berdasarkan keputusan F-statistik dan ini mendorong kepada penolakan arah Penyebab-Granger, sebaliknya jika ( $H_0$ ) ditolak bagi kedua-dua persamaan oleh F-statistik, maka akan wujud hubungan sebaliknya Penyebab-Granger. Hubungan songsang hanya akan wujud jika berlaku sebab-akibat berbentuk dua hala.

### **3.5 Definisi Pembolehubah**

**Pelancongan** :Pelancongan merupakan satu aktiviti ekonomi di mana ia mampu membawa rezeki dan kebaikan kepada komuniti. Pelancong mempunyai motif melancong yang berlainan. Dalam kos tertentu, kemudahan membeli-belah telah dibangunkan sebagai satu motif utama melancong. Oleh itu, pembangunan dari segi tarikan kemudahan membeli-belah telah menjadi satu alat yang penting untuk mempromosikan pelancongan.

**Indeks harga pengguna** :Indeks Harga Pengguna ialah mengukur harga purata barang-barang dan perkhidmatan yang biasanya digunakan oleh isi rumah pada tempoh masa yang ditetapkan

**Pelancong tempatan** :Pengunjung tempatan atau dari negeri asal ( Kelantan) yang datang melawat ke Kelantan dalam tempoh tertentu.

**Pelancong asing** :Pengunjung luar daripada Kelantan yang datang melawat ke Kelantan dalam tempoh tertentu.

**Kadar perbelanjaan** : Jumlah perbelanjaan yang di belanjakan di negeri Kelantan oleh pelancong sama ada pelancong tempatan mahupun pelancong asing

### **3.6 Kesimpulan**

Dalam skop metodologi kajian, kaedah pengumpulan dan menganalisis data digabungkan untuk menentukan samaada kajian yang dijalankan boleh diterima ataupun tidak. Beberapa ujian akan dijalankan keatas pembolehubah tidak bersandar untuk melihat sejauh mana pembolehubah mampu mempengaruhi pembolehubah bersandar.

Dalam kajian ini, data sekunder digunakan untuk mengukuhkan kajian ini. Oleh itu, berdasarkan data, teori dan model kajian yang digunakan, ia memberi gambaran mengenai pengujian-pengujian yang akan digunakan bagi memastikan kaedah yang akan digunakan betul-betul significant. Kesimpulannya, skop dan metodologi kajian ini adalah bertujuan untuk mengukur sajauh mana hubungan di antara pembolehubah-pembolehubah dan juga untuk memperolehi hasil daripada kajian yang dilakukan.

## **BAB IV**

### **ANALISIS DATA DAN KEPUTUSAN**

#### **4.1 Pendahuluan**

Dalam bab ini, pengkaji akan menganalisis dapatan kajian bagi beberapa ujian yang telah dijalankan keatas data siri masa untuk mengkaji hubungan yang wujud diantara pembolehubah indeks harga pengguna (INDEKS), jumlah kedatangan pelancong tempatan (TEMPATAN), jumlah kedatangan pelancong asing (ASING) dan kadar perbelanjaan per-malam (PERBELANJAAN). Bagi melaksanakan ujian yang telah dikenalpasti, pengkaji menggunakan perisian E-views 6 untuk mendapatkan hasil keputusan bagi setiap ujian. Dalam kajian ini, pengkaji telah menukar data semasa kedalam bentuk log sebelum analisis ujian statistic dijalankan yang mana semua hasil keputusan akan diterangkan dalam bentuk log pembolehubah.

## 4.2 Analisis Keputusan Regresi Linear

Ujian regresi mudah merupakan analisis yang pertama dilakukan oleh pengkaji yang bertujuan untuk melihat keutuhan hubungan antara pembolehubah bersandar dengan pembolehubah tidak bersandar. Selain itu, ia juga bertujuan untuk menganalisis data bagi mencari keputusan terhadap hipotesis-hipotesis yang dibina.

Ujian ini amat penting sebelum pengkaji menjalankan ujian seterusnya iaitu ujian Punca Unit, ujian yang akan menentukan sama ada pembolehubah-pembolehubah yang terpilih adalah pembolehubah bertren atau pembolehubah malar. Pengenalpastian corak pergerakan data ini amat penting bagi menentukan bentuk persamaan imbuhan Dickey Fuller (ADF) dalam ujian seterusnya. Semua pembolehubah akan ditukar bentuk kepada fungsi logaritma. Selain itu, ia bertujuan untuk mengenalpasti kesan penggandaan siri masa dan bagi memudahkan penganggaran model kajian dibentuk dan mendapat keputusan yang lebih baik. Berdasarkan kepada ujian ini, hasil penganggaran persamaan regresi yang lengkap akan diterjemahkan sebagaimana model persamaan berikut :

### Model Pertama

$$\begin{aligned} \text{LNASING} &= -2.32 + 4.99 \text{ ININDEKS} + 1.96 \text{ LNPERBELANJAAN} \\ &\quad (9.55) \qquad (1.46) \qquad (0.29) \\ &\quad [-0.24] \qquad [-3.41] \qquad [6.75] \\ R^2 &= 0.6161 \qquad R = 0.5983 \qquad DW = 1.2802 \end{aligned}$$

Nota : ( ) Standard Error

[ ] Nilai Statistik

## Model Kedua

$$\text{LNTEMPATAN} = -5.98 + 1.64 \text{ ININDEKS} + 0.59 \text{ LNPERBELANJAAN}$$

(4.12)	(0.64)	(0.13)
[ -1.44]	[2.57]	[4.66]
$R^2 = 0.3637$	$R = 0.3341$	$DW = 1.3256$

Nota : ( ) Standard Error

[ ] Nilai Statistik

Berdasarkan persamaan diatas, analisis regresi dilakukan ini bertujuan untuk menggambarkan secara jelas tindakbalas hubungan variasi dalam pembolehubah bersandar dan pembolehubah tidak bersandar. Dalam model pertama didapati bahawa wujud hubungan positif diantara jumlah kedatangan pelancong asing dengan indeks harga pengguna dan juga kadar perbelanjaan per-malam. Situasi ini dapat dilihat apabila peningkatan satu unit dalam indeks harga pengguna akan menyebabkan peningkatan dalam jumlah kedatangan pelancong asing sebanyak 4.99 unit. Selain itu, jumlah kedatangan pelancong asing juga mempunyai hubungan yang positif dengan dengan kadar perbelanjaan. Keadaan ini dapat dilihat berdasarkan peningkatan sebanyak satu unit dalam kadar perbelanjaan akan menyebabkan peningkatan sebanyak 1.96 unit dalam jumlah kedatangan pelancong asing.

Dalam model kedua pula, didapati bahawa wujud hubungan positif bagi jumlah kedatangan pelancong tempatan diantara indeks harga pengguna dan kadar perbelanjaan per-malam. Keadaan ini dapat dilihat berdasarkan peningkatan sebanyak satu unit dalam indeks harga pengguna akan menyebabkan peningkatan unit dalam jumlah kedatangan pelancong tempatan sebanyak 1.64. Begitu juga dengan nilai jumlah kedatangan pelancong mengalami peningkatan sebanyak 0.59 apabila kadar perbelanjaan meningkat sebanyak satu unit.

Keputusan regresi menunjukkan wujud tren dalam pembolehubah **LNASING** dan **ININDEKS** manakala pembolehubah-pembolehubah lain tidak wujud tren didalam pembolehubah lain. Seterusnya ujian kepegunan harus dijalankan untuk mengenalpasti sama ada setiap data siri masa mempunyai kebarangkalian bersama yang sama ciri sepanjang masa iaitu min, varians dan kovariansnya adalah malar sepanjang masa.

#### **4.3 Analisis Keputusan Ujian Punca Unit**

Sebelum melakukan ujian kointegrasi, kepegunan setiap pembolehubah perlu ditentukan untuk mengatasi masalah regresi palsu. Tren stokastik pembolehubah boleh dinilai atau dilihat dengan melakarkan graf atau melalui jadual residual plot dan gambarajah gradient yang menunjukkan keadaan trend yang tidak stabil serta sekatan telah membolehkan ujian kepegunan dilakukan dilakukan bagi memberi jawapan samaada data siri masa dalam kajian ini berada dalam kepegunan ataupun ketidakpegunan. Jika kesemua pembolehubah menunjukkan trend stokastik yang sama, berkemungkinan pembolehubah yang dipilih adalah berkointegrasi. Dalam melakukan proses ujian ini, hasil keputusan Regresi Linear diguna pakai dalam ujian formal seperti Ujian Augmented Dickey- Fuller (ADF,1979) dan Philip-Perron (PP,1988) boleh digunakan.

Sebelum ini analisis telah dilakukan bagi mengenalpasti samaada data tersebut adalah pegun atau sebaliknya dengan membuat perbandingan diantara nilai DW atau nilai  $R^2$ , dimana nilai DW harus melebihi nilai paras keyakinan  $R^2$ . Bagi menguatkan lagi analisis kajian ini, ujian formal boleh dilakukan dengan menggunakan ujian Augmented Dickey Fuller dan Phillip Perron dengan memasukkan elemen intersep dan trend. Ujian ADF dan PP digunakan untuk menguji punca unit dan mengenalpasti intergrasi antara pembolehubah.

Kedua-dua ujian ADF dan PP yang digunakan ini dapat mengesan kehadiran masalah ketidakpegunan yang menyebabkan sesuatu kajian tidak dapat diteruskan. Selain itu, kedua-dua ujian tersebut adalah bertujuan untuk menguatkan lagi analisis kajian ini. Ujian ADF dan PP telah menggunakan nilai kritikal antara satu peratus, lima peratus dan sepuluh peratus.

**Jadual 4.1 Keputusan Ujian Punca Unit**

<b>Peringkat perbezaan</b>	<b>Intercept</b>		<b>Trend dan Intercept</b>	
	<b>Ujian ADF</b>	<b>Ujian PP</b>	<b>Ujian ADF</b>	<b>Ujian PP</b>
<b><u>Perbezaan Paras</u></b>				
INDEKS	-1.379545(9)	-1.180279	-2.415964(9)*	-1.874583**
TEMPATAN	-5.829326(9)*	-5.951479*	-5.810948(9)*	-5.938411*
ASING	-1.990468(9)	-2.033888	-2.141035(9)**	-2.187521**
PERBELANJAAN	-2.061983(9)	-3.819768*	-2.229216(9)**	-3.884143*
<b><u>Perbezaan Pertama</u></b>				
INDEKS	-4.153721(9)*	-4.141671*	-4.199268(9)*	-4.194260*
TEMPATAN	-7.813955(9)*	-12.59875*	-7.718013(9)*	-12.45302*
ASING	-7.795207(9)*	-7.770013*	-7.711031(9)*	-7.689632*
PERBELANJAAN	-12.15596(9)*	-12.31435*	-12.08810(9)*	-12.27314*
<b><u>Perbezaan Kedua</u></b>				
INDEKS	-8.352187(9)*	-12.40831*	-8.423832(9)*	-12.22526*
TEMPATAN	-7.950327(9)*	-27.14078*	-7.837266(9)*	-26.77058*
ASING	-8.747183(9)*	-22.32415*	-8.633862(9)*	-22.04117*
PERBELANJAAN	-11.45151(9)*	-27.84242*	-11.30449(9)*	-27.46099*

Nota : \*, Merujuk kepada aras keertian 1%

\*\*, Merujuk kepada aras keertian 5%


\*\*\*, Merujuk kepada aras keertian 10%

Merujuk kepada jadual 4.1 diatas, didapati pada peringkat perbezaan kedua kesemua pembolehubah kajian adalah pegun dengan dan hasil kajian ini adalah dengan menggunakan ADF dan PP. Keputusan menunjukkan kesemua pembolehubah yang diuji adalah signifikan pada aras keyakinan 1%, dan 5% melalui pembezaan pertama. Manakala pembezaan kedua ia signifikan pada aras keertian 1%. Secara keseluruhannya, kesemua pembezaan paras adalah tidak pegun.

#### **4.4 Nilai Trend dan Residual**

Bagi menjelaskan lagi sama ada data yang digunakan mempunyai sifat trend dan dipengaruhi oleh ketidakpegunan data. Jadual 4.1 telah memaparkan kedudukan plot-plot residual. Jadual tersebut menggambarkan bahawa hamper keseluruhan data yang digunakan dalam kajian ini mengalami sindrom kepegunan data yang disebabkan titik plot residual melebihi garis tengah diluar lingkungan plot residual. Berdasarkan rajah 4.1 dan Jadual 4.2 menjelaskan secara terperinci masalah kepegunan data yang menunjukkan data ini mempunyai pergerakan data yang tidak selari serta mempunyai sifat trend. Oleh yang demikian, kesemua data yang digunakan dalam kajian ini adalah tidak berapa stabil bagi setiap tempoh tahun. Ini mungkin di sebabkan oleh pelbagai sektor yang mempengaruhi data ini dan mengalami masalah kejutan yang bersifat trend.

**Rajah 4.1 Keputusan Nilai Trend an Residual**



#### 4.5 Keputusan Ujian Ko-integrasi Johanson

Ujian ko-integrasi digunakan bagi melihat hubungan jangka panjang antara pembolehubah bebas dan pembolehubah bersandar. Hasil dapatan ujian kointegrasi yang diperoleh adalah berdasarkan log linear. Hasil keputusan Ujian kointegrasi pembolehubah berbilang Johansen dapat ditunjukan melalui jadual dibawah :

**Jadual 4.2 Keputusan Ujian ko-integrasi Johansen**

##### Model 1

H0	H1	$\lambda_{\text{Max-Eigen}}$ [k=9,r=4]	Critical Value (5%)	$\lambda_{\text{Trace}}$ [k=9, r= 1]	Critical Value (5%)
r=0	r>0	24.06*	22.29	34.67	35.19
r= 1	r>2	8.59	15.89	10.62	20.26
r= 2	r>3	2.03	9.16	2.03	9.16

Trace test indicates no cointegration at the 0.05 level

\* denotes rejection of the hypothesis at the 0.05 level

\*\*MacKinnon-Haug-Michelis (1999) p-values

LNASNG	CONSTANT	INNDEKS	LNPERBELANJAAN
1.000000	26.33929 (10.5688)	4.454543 (1.50195)	-3.103492 (0.33863)

## Model 2

		$\lambda_{\text{Max-Eigen}}$	Critical Value (5%)	$\lambda_{\text{Trace}}$	Critical Value (5%)
H0	H1	[k=9,r=4]		[k=9, r= 1]	
r=0	r>0	24.84*	22.29	35.60	35.19
r= 1	r>2	8.43	15.89	10.77	20.26
r= 2	r>3	2.34	9.16	2.34	9.16

Trace test indicates 1 cointegrating eqn(s) at the 0.05 level

\* denotes rejection of the hypothesis at the 0.05 level

\*\*MacKinnon-Haug-Michelis (1999) p-values

LNTMPTN	CONSTANT	INNDEKS	LNPERBELANJAAN
1.000000	-4.289105 (4.49073)	-1.392140 (0.64144)	-0.104621 (0.14450)

Berdasarkan hasil keputusan Ujian Kointegrasi Berbilang Pembolehubah Johansen, Ujian statistic Trace menunjukkan wujud dua hubungan kointegrasi di antara pembolehubah yang dikaji pada aras keertian 5 peratus. Begitu juga dengan ujian statistic Max-eigenvalue di mana turut menunjukkan satu kointegrasi pada aras keertian 5 peratus. Keputusan Ujian Kointegrasi pembolehubah berbilang ini secara keseluruhannya menunjukkan terdapat hubungan jangka masa panjang hanya pada satu pembolehubah sahaja iaitu r sama dengan 0.

#### **4.6 Analisis Keputusan Vector Error Correction Method (VECM)**

Bagi mengkaji hubungan jangka masa panjang bagi semua pembolehubah, maka pengkaji menjalankan ujian VECM. Pengkaji mendapati terdapat sebanyak empat persamaan regresi vector telah dihasilkan di mana setiap pembolehubah menjadi pembolehubah endogenous dan nilai-nilai selepas pembolehubah itu menjadi pembolehubah penerang. Persamaan-persamaan berikut menunjukkan persamaan linear yang dihasilkan setelah menjalankan VECM

$$\begin{aligned}\Delta(\text{LNTMPTN}) = & 0.000920254593494 - 0.610782334943 * \Delta\text{LNTMPTN} - \\& 1.36653855629 * \Delta\text{ININDEKS} - \\& 0.0600675669193 * \Delta\text{LNPERBELANJAAN}\end{aligned}$$

**R<sup>2</sup>= 0.4803**

**AIC= - 9.0073**

Berdasarkan persamaan di atas, peningkatan 1 peratus dalam ININDEKS akan mengurangkan 1.36 peratus dalam LNTMPTN. Peningkatan 1 peratus dalam LNPERBELANJAAN akan mengurangkan sebanyak 0.06 peratus LNTMPTN.

**Jadual 4.3 Vector Error Correction Estimates**

**( Short-Run Dynamics)**

<b>ΔLnTmptn</b>	<b>Constant</b>	<b>ΔInindeks t-1</b>	<b>ΔLntmptnt-1</b>	<b>ΔLnperbelanjaan t-1</b>
	0.01	-2.43	-0.18	-0.24
( SE )	(0.03)	(5.15)	(0.27)	(0.37)
(t-value)	(0.02)	(-0.47)	(-0.69)	(-0.64)

$$\Delta \text{LNASING} = -0.022262086633 - 0.84823232419 * \Delta \text{LNASING} +$$

$$4.50908927934 * \Delta \text{ININDEKS} -$$

$$3.06440230512 * \Delta \text{LNPERBELANJAAN}$$

**R<sup>2</sup>= 0.4803**

**AIC= - 9.0073**

Berdasarkan persamaan diatas, peningkatan 1 peratus dalam ININDEKS akan meningkatkan sebanyak 4.5 peratus dalam LNASING. Peningkatan 1 peratus dalam LNPERBELANJAAN akan mengurangkan sebanyak 3.06 dalam LNASING.

Jadual 4.4 Vector Error Correction Estimates

( Short-Run Dynamics)

<b>ΔLnAsing</b>	<b>Constant</b>	<b>ΔInindeks t-1</b>	<b>ΔLnasingt-1</b>	<b>ΔLnperbelanjaan t-1</b>
	-0.02	3.31	0.04	-1.77
( SE )	(0.05)	(7.27)	(0.17)	(0.58)
(t-value)	(-0.49)	(0.46)	(0.25)	(-3.08)

#### **4.7 Analisis Keputusan Ujian Penyebab Granger**

Analisis Penyebab Granger bertujuan untuk melihat perhubungan penyebab akibat yang wujud diantara pembolehubah yang dikaji. Pengujian statistic F dijalankan untuk melihat sama ada hipotesis nul yang menyatakan pembolehubah X bukan penyebab granger pembolehubah yang ditolak atau gagal ditolak. Hipotesis nul akan ditolak sekiranya didapati nilai P value kurang daripada 0.05. Dalam kajian ini, pengkaji memilih lat masa 9 dalam menjalankan analisis penyebab granger di antara pembolehubah yang digunakan. Hubungan jangka pendek di antara semua pembolehubah akan dilihat dalam beberapa keadaan contohnya penyebab daripada perubahan pembolehubah X terhadap Y, penyebab sehala daripada perubahan pembolehubah Y terhadap pembolehubah X, penyebab dua hala dimana perubahan dalam kedua-dua pembolehubah X dan Y saling mempengaruhi antara satu sama lain dan tiada hubungan penyebab dimana pembolehubah X dan Y adalah tidak signifikan dalam kedua-dua persamaan regresi.

Hasil analisis menunjukan terdapat 12 hubungan penyebab Granger. Namun hanya terdapat satu penyebab yang diterima iaitu signifikan pada aras keyakinan 5 peratus dimana wujud hubungan sehala antara indeks harga pengguna dan jumlah kedatangan pelancong asing. Hal ini menunjukan bahawa, apabila jumlah kedatangan pelancong asing menurun. Indeks harga pengguna juga turut berkurangan.

#### **4.8 Kesimpulan**

Secara keseluruhan, bab ini memberi gambaran secara keseluruhan hasil kajian yang dilakukan dengan menggunakan perisian E-Views. Didapati hampir kesemua ujian yang dilakukan mempunyai hubungan korelasi antara satu sama lain. Ini kerana semua pembolehubah yang terdapat dalam kajian ini mempunyai hubungannya dalam jangka masa panjang melalui ujian Kointegrasi Johansen untuk mencapai pertumbuhan ekonomi yang positif. Hasil keputusan ini secara tidak langsung telah mengupas segala objektif kajian serta persoalan yang dikemukakan di awal kajian.

## **BAB V**

### **KESIMPULAN DAN CADANGAN**

#### **5.1 Pengenalan**

Dalam bab ini akan membincangkan secara menyeluruh mengenai keputusan dan penemuan bagi kajian yang telah dijalankan. Huraian yang jelas dalam permasalahan kajian dan objektif kajian lebih tertumpu kepada impak dan sumbangan sektor pelancongan kepada pembangunan ekonomi negeri. Penemuan kajian telah membuktikan bahawa pembolehubah yang digunakan mempunyai hubungan positif dan membuktikan bahawa sektor pelancongan di Kelantan memberikan faedah serta sumbangan dalam sektor ekonomi negeri Kelantan. Maka, penilaian sumbangan sektor perlu dibuat untuk menentukan sebarang keputusan pelbagai pihak yang terlibat dalam menjayakan sektor pelancongan negeri Terengganu. Berdasarkan kajian yang dijalankan, ia telah memberi gambaran yang jelas mengenai pengaruh ketibaan pelancong dan kadar perbelanjaan yang mempengaruhi indeks harga pengguna.

## **5.2 Dapatan Kajian**

Kajian ini menjelaskan gambaran tentang sumbangan sektor pelancongan di Kelantan dengan menggunakan pembolehubah-pembolehubah seperti INDEKS, TEMPATAN, ASING dan PERBELANJAAN. Berdasarkan kajian yang di peroleh melalui ujian regresi linear didalam model bagi setiap pembolehubah bebeas yang digunakan, secara keseluruhannya menunjukkan tidak wujud hubungan secara positif dengan ketibaan pelancong ke negara ini dimana peningkatan dalam jumlah kedatangan pelancong luar dan kadar perbelanjaan tidak mempengaruhi ketibaan pelancong ke negeri Kelantan.

Namun, pembolehubah TEMPATAN mempengaruhi peningkatan sumbangan dalam indeks harga pengguna dan memberi implikasi yang positif bagi pelancong tempatan dari Negara ini untuk memilih Kelantan sebagai destinasi pelancong yang sesuai untuk dilawati. Menyedari impak dan sumbangan yang besar dalam sektor pelancongan negeri Kelantan, usaha untuk membangunkan aktiviti pelancongan telah giat dilakukan oleh pelbagai pihak untuk meningkatkan lagi jumlah kedatangan pelancong ke negeri Kelantan.

Kaedah ko-integrasi adalah pengukuran yang sesuai digunakan dalam menganalisis hubungan kedua-dua pembolehubah. Berdasarkan analisis ini, keputusan ujian telah menunjukkan bahawa terdapat hubungan jangka panjang dalam model kajian. Manakala bagi hubungan jangka pendek hampir semua pembolehubah bebas digunakan tidak significant pada mana-mana tingkat koefisyen 1 dan 5 peratus.

Berdasarkan proses menganalisa, dapat dirumuskan bahawa penentu utama ketibaan pelancong ke negeri ini adalah faktor pemasaran yang meluas yang dirancang melalui perancangan yang strategik seperti promosi. Oleh itu, berdasarkan daya tarikan dan keunikan dimiliki oleh negeri Kelantan, pertumbuhan ekonomi negeri menerusi industri pelancongan dijangka meningkat dan dapat membantu pertumbuhan ekonomi negeri disamping mampu mewujudkan peluang pekerjaan.

Sektor pelancongan juga turut mendapat perhatian yang khusus kerana ia mampu menjana perolehan pendapatan dan pertumbuhan ekonomi negeri Kelantan. Faktor-faktor yang mempengaruhi kemasukan adalah seperti tarikan pelancongan yang berdasarkan alam semulajadi, kepelbagaiannya variasi kraftangan yang berkualiti serta kemudahan pelancongan yang mencukupi untuk menampung kedatangan para pelanong. Sehubungan dengan itu, penemuan hasil kajian yang diperolehi akan digunakan untuk mencadangkan langkah-langkah atau dasar-dasar yang boleh diimplementasikan oleh individu, kerajaan dan masyarakat dalam usaha untuk meningkatkan jumlah sumbangan sektor pelancongan.

### **5.3 Cadangan**

Bagi menjayakan pembangunan pelancongan ini, kerjasama yang kuat di antara pelbagai sektor yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam industri yang berdasarkan industri perkhidmatan ini. Justeru itu, pihak kerajaan negeri harus merangka pelbagai strategi bagi merealisasi hasrat negeri untuk mencapai matlamat yang telah dirancang selaras dengan memenuhi bajet Belanjawan 2009 dan rancangan Malaysia ke Sembilan (RMK-9). Berikut merupakan pelbagai bentuk cadanganyang mampu dihasilkan melalui hasil kajian ini:

#### **i) Peranan Masyarakat**

##### **a) Penglibatan penduduk tempatan**

Pengusaha kecil kraftangan perlu didaftarkan sepenuhnya supaya penyelarasan pengeluaran dan pemasaran dapat dilakukan dengan lebih sistematik. Perkongsian pintar dalam penyelidikan dan pengurusan sumber dan kemudahan pelancongan perlu melibatkan penduduk tempatan dan di beri keutamaan. Satu badan induk di peringkat negeri perlu ditubuhkan untuk mengembelengkkan pengeluaran, promosi dan pemasaran produk pelancongan. Pihak-pihak yang terlibat dalam perkongsian pintar ini perlu memberi sumbangan kewangan untuk mempastikan yang badan induk ini bebas dan dapat memberi tumpuan sepenuhnya kepada pihak yang mempunyai kepantingan.

## **ii) Peranan Kerajaan**

### **a) Pasaran**

Kota Bharu akan menjadi sasaran utama untuk meningkatkan pasaran pelancongan di Kelantan. Bagi kawasan-kawasan lain yang berpotensi dari segi sumber pelancongan, langkah menambahkan kongsian pasaran, kemudahan asas seperti kemudahsampaian dan penginapan serta khidmat sokongan mesti dipertingkatkan dengan segera. Mempromosikan kawasan luar akan mendatangkan bebanan besar kepada pihak pentadbiran tempatan tanpa usaha meningkatkan kemudahan sokongan terlebih dahulu.

Tumpuan yang lebih patut diberikan untuk menarik segment pasaran lawatan khususnya khususnya seperti membeli belah, pelancongan alam semulajadi dan pelancongan kebudayaan bagi segmen pelancong domestik. Musim hujan yang melanda negeri Kelantan boleh dimanfaatkan sebagai satu daya tarikan pelancongan dengan mempromosikan pakej “berbulan madu” bagi pelancong yang baru mendirikan rumah tangga.

### **b) Infrastruktur dan kemudahan sokongan**

Peningkatan pembangunan infranstruktur kemudahsampaian akan membuka peluang bagi pengapahgihan pasaran ke lokasi di luar Kota Bharu. Pasaran pelancong antarabangsa selain Thailand yang berpotensi seperti Singapore, Jepun, Taiwan, Eropah, Australia dan Negara Timur tengah perlu dijadikan sasaran untuk penggunaan sumber pelancongan di luar Kota Bharu.

Pada masa ini penggunaan kenderaan sendiri masih menjadi cara utama untuk sampai ke negeri Kelantan dan perbelanjaan untuk pengangkutan menjadi perkara ketiga terpenting bagi perbelanjaan pelancong. Pembangunan infranstruktur kemudahsampaian ( lebuhraya dan kemudahan pengangkutan awam) perlu dilaksanakan untuk mengurangkan kos pengangkutan kepada pelancong. Namun penggunaan kenderaan sendiri akan terus menjadi cara utama untuk pejalanan pelancong ke Kelantan

Untuk meningkatkan pasaran pelancongan antarabangsa, Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra perlu dinaikkan taraf menjadi lapangan terbang antarabangsa. Kenaikan taraf ini mesti disokong dengan peningkatan kemudahan sampingan lain seperti pengawalan imigresen, kastam, keselamatan, pengangkutan awam dan sebagainya. Seberapa yang boleh, pembangunan kemudahan dan perkhidmatan harus ditumpukan di kawasan bandar dan pekan untuk meminimumkan kesan negatif pembangunan pelancongan ke atas sumber alam semulajadi.

Untuk meningkatkan segmen pasaran pelancong berkualiti di peringkat atasan, khidmat dan kemudahan yang berbeza perlu disediakan. Ini akan menambahkan lagi kos operasi kemudahan penginapan dan khidmat pengangkutan. Oleh itu, pengurusan kemudahan-kemudahan ini memerlukan peningkatan dalam kemahiran pengurusan. Khidmat pemandu pelancong yang terlatih dan berkemahiran serta maklumat interpretasi perlu dipentingkatkan terutama dilokasi pelancongan kebudayaan/keseniaan/sejarah untuk meningkatkan daya tarikan kepada segmen pasaran pelancongan berkualiti.

#### **5.4 Kesimpulan**

Dalam usaha memartabatkan sektor pelancongan sebagai sektor terpenting, sebarang keputusan dan tindakan yang diambil oleh pikah kerajaan perlu mengambil kira tahap sensitive atau impak kepada sesuatu perkara tersebut. Sehubungan dengan itu, kemajuan dan pencapaian sektor pelancongan Kelantan bergantung kepada pelan pemasaran yang dilakukan oleh semua pihak yang terlibat dalam sektor ini. Oleh itu, aktiviti pelancongan perlu dikawal dan tidak terlalu bermatlamatkan keuntungan semata-mata agar tidak memberi impak kepada aspek lain seperti pencemaran alam sekitar yang merupakan aset yang tidak ternilai.

## BIBLIOGRAFI

- Chi-Chur-Chao, Dharat R.Hazali (2009) *A Dynamic Model Of Tourism, Employment and Welfare: The Case Of Hong Kong.* City University Of Hong Kong
- Jabil Mapjabil (2007). Seminar Kebangasaan Geografi: Dunia Tanpa Sempadan: *Persepsi Pengusaha Hotel Pantai Terhadap Pengurusan Zon Pinggir Pantai, Pelancongan Pulau Pinang.*
- Danial J.Styles, *Economic Impact Of Tourism.*
- Loganathan Nathakumar, Yahaya Ibrahim, Madzli Harun (2008), *Tourism Development Policy, Strategic Alliances and Impact Of Consumer Price Index On Tourism Arivals:The Case Of Malaysia.*
- Syed Abdul Haris B Syed Mustapha,(2005) *Showcasing Maritime Heritage Artefacts For The Benefit Of The Tourism Industry In Malaysia.*
- Takiyuddin Hashim (2009), *Kelantan Gateway*, 1<sup>st</sup> The Official Kelantan State Tourism, Cultural and Heritage Magazine.
- Xinli, Xre, Qunchoo Lu (2006), *The Economic and Sosial Effects Analysis Of MICE Tourism.*
- Zatul Iffah Mohd Fuza(2008), *Motivasi Sukarelawan Pelancong*, Laporan Projek Sarjana Sains Pelancongan, Faculti Alam Bina, Universiti Teknologi Malaysia.

## LAMPIRAN

TAHUN	BULAN	PELANCONG TEMPATAN	PELANCONG ASING	JUMLAH PERBELANJAAN
2006	JANUARI	91377900	34085000	125462900
	FEBRUARI	95950800	26569000	122519800
	MAC	105978900	27300500	133279400
	APRIL	109680600	31514500	141195100
	MEI	99184500	31700000	130884500
	JUN	94390500	27874500	122265000
	JULAI	100551600	26618000	127169600
	OGOS	107295300	26618000	133913300
	SEPTEMBER	89314500	26097000	115411500
	OKTOBER	126828000	27445000	154273000
	NOVEMBER	118859400	29019500	147878900
	DISEMBER	124262100	21728000	145990100

2007	JANUARI	94879500	82770500	177650000
	FEBRUARI	100850400	74196500	175046900
	MAC	111655800	82658000	194313800
	APRIL	100227900	82294000	182521900
	MEI	118156500	86283500	204440000
	JUN	108054000	71591500	179645500
	JULAI	106392300	70353000	176745300
	OGOS	150102000	70266000	220368000
	SEPTEMBER	63990000	69498500	133488500
	OKTOBER	135900900	74953000	210853900
	NOVEMBER	84186300	70682500	154868800
	DISEMBER	59806500	84290500	144097000

2008	JANUARI	65919000	34264500	100183500
	FEBRUARI	96197700	17174500	113372200
	MAC	91108800	21434000	112542800
	APRIL	95007600	15823500	110831100
	MEI	150012000	15609500	165621500
	JUN	99648900	14890000	114538900
	JULAI	107620800	23092000	130712800
	OGOS	124069200	27161500	151230700
	SEPTEMBER	119252700	22815500	142068200
	OKTOBER	130939200	37024000	167963200
	NOVEMBER	124174200	19081000	143255200
	DISEMBER	114922500	22380000	137302500

2009	JANUARI	115190100	21320500	136510600
	FEBRUARI	91000200	19255500	110255700
	MAC	94455600	21851500	116307100
	APRIL	100215300	22789500	123004800
	MEI	117251700	20252500	137504200
	JUN	116057400	19037000	135094400
	JULAI	110979900	22047500	133027400
	OGOS	122417400	23220500	145637900
	SEPTEMBER	108446100	20666000	129112100
	OKTOBER	97601400	30742000	128343400

Dependent Variable: LNTMPTN

Method: Least Squares

Date: 04/20/10 Time: 11:54

Sample: 2006M01 2009M10

Included observations: 46

	Coefficient	Std. Error	t-Statistic	Prob.
ININDEKS	1.639681	0.638086	2.569686	0.0137
LNPERBELANJAAN	0.589710	0.126448	4.663659	0.0000
C	-5.983418	4.166697	-1.436010	0.1582
R-squared	0.363657	Mean dependent var		12.76156
Adjusted R-squared	0.334060	S.D. dependent var		0.188615
S.E. of regression	0.153920	Akaike info criterion		-0.841779
Sum squared resid	1.018724	Schwarz criterion		-0.722520
Log likelihood	22.36092	Hannan-Quinn criter.		-0.797104
F-statistic	12.28683	Durbin-Watson stat		1.325583
Prob(F-statistic)	0.000060			

Dependent Variable: LNASING

Method: Least Squares

Date: 04/20/10 Time: 12:01

Sample: 2006M01 2009M10

Included observations: 46

	Coefficient	Std. Error	t-Statistic	Prob.
ININDEKS	-4.988150	1.463025	-3.409477	0.0014
LNPERBELANJAAN	1.957381	0.289924	6.751355	0.0000
C	-2.315668	9.553537	-0.242389	0.8096
R-squared	0.616108	Mean dependent var		11.07332
Adjusted R-squared	0.598253	S.D. dependent var		0.556788
S.E. of regression	0.352912	Akaike info criterion		0.817797
Sum squared resid	5.355511	Schwarz criterion		0.937056
Log likelihood	-15.80932	Hannan-Quinn criter.		0.862472
F-statistic	34.50540	Durbin-Watson stat		1.280221
Prob(F-statistic)	0.000000			

### Unrestricted Cointegration Rank Test (Trace)

Hypothesized No. of CE(s)	Eigenvalue	Trace Statistic	0.05 Critical Value	Prob.**
None	0.421157	34.67450	35.19275	0.0568
At most 1	0.177268	10.61865	20.26184	0.5791
At most 2	0.045157	2.033151	9.164546	0.7711

Trace test indicates no cointegration at the 0.05 level

\* denotes rejection of the hypothesis at the 0.05 level

\*\*MacKinnon-Haug-Michelis (1999) p-values

### Unrestricted Cointegration Rank Test (Maximum Eigenvalue)

Hypothesized No. of CE(s)	Eigenvalue	Max-Eigen Statistic	0.05 Critical Value	Prob.**
None *	0.421157	24.05585	22.29962	0.0281
At most 1	0.177268	8.585499	15.89210	0.4795
At most 2	0.045157	2.033151	9.164546	0.7711

### Pairwise Granger Causality Tests

Date: 02/09/10 Time: 14:50

Sample: 2006M01 2009M10

Lags: 2

Null Hypothesis:	Obs	F-Statistic	Prob.
ININDEKS does not Granger Cause LNASING	44	0.94935	0.3958
LNASING does not Granger Cause ININDEKS		1.38130	0.2633
LNPERBELANJAAN does not Granger Cause LNASING	44	4.62907	0.0157
LNASING does not Granger Cause LNPERBELANJAAN		0.24017	0.7877
LNPERBELANJAAN does not Granger Cause ININDEKS	44	2.53784	0.0920
ININDEKS does not Granger Cause LNPERBELANJAAN		0.29935	0.7430

### Unrestricted Cointegration Rank Test (Trace)

Hypothesized No. of CE(s)	Eigenvalue	Trace Statistic	0.05 Critical Value	Prob.**
None *	0.431372	35.60976	35.19275	0.0451
At most 1	0.174328	10.77050	20.26184	0.5643
At most 2	0.051835	2.341966	9.164546	0.7091

Trace test indicates 1 cointegrating eqn(s) at the 0.05 level

\* denotes rejection of the hypothesis at the 0.05 level

\*\*MacKinnon-Haug-Michelis (1999) p-values

### Unrestricted Cointegration Rank Test (Maximum Eigenvalue)

Hypothesized No. of CE(s)	Eigenvalue	Max-Eigen Statistic	0.05 Critical Value	Prob.**
None *	0.431372	24.83926	22.29962	0.0216
At most 1	0.174328	8.428532	15.89210	0.4974
At most 2	0.051835	2.341966	9.164546	0.7091

### Pairwise Granger Causality Tests

Date: 02/09/10 Time: 14:48

Sample: 2006M01 2009M10

Lags: 2

Null Hypothesis:	Obs	F-Statistic	Prob.
ININDEKS does not Granger Cause LNTMPTN	44	0.52258	0.5971
LNTMPTN does not Granger Cause ININDEKS		2.22147	0.1220
LNPERBELANJAAN does not Granger Cause LNTMPTN	44	1.57152	0.2206
LNTMPTN does not Granger Cause LNPERBELANJAAN		0.20793	0.8132
LNPERBELANJAAN does not Granger Cause ININDEKS	44	2.53784	0.0920
ININDEKS does not Granger Cause LNPERBELANJAAN		0.29935	0.7430

Vector Error Correction Estimates

Date: 04/21/10 Time: 15:28

Sample (adjusted): 2006M04 2009M10

Included observations: 43 after adjustments

Standard errors in ( ) & t-statistics in [ ]

Cointegrating Eq:	CointEq1		
LNTMPTN(-1)	1.000000		
ININDEKS(-1)	-1.366539 (0.69718) [-1.96009]		
LNPERBELANJAAN(-1)	-0.060068 (0.16468) [-0.36476]		
C	-5.240647		
Error Correction:	D(LNTMPTN)	D(ININDEKS)	D(LNPERBELA NJAAN)
CointEq1	-0.610782 (0.32657) [-1.87030]	-0.007789 (0.00996) [-0.78188]	0.092537 (0.26605) [ 0.34781]
D(LNTMPTN(-1))	-0.182385 (0.26622) [-0.68510]	0.006724 (0.00812) [ 0.82803]	-0.058905 (0.21689) [-0.27159]
D(LNTMPTN(-2))	-0.128462 (0.23082) [-0.55655]	0.000635 (0.00704) [ 0.09024]	0.034889 (0.18805) [ 0.18553]
D(ININDEKS(-1))	-2.425271 (5.15361) [-0.47060]	0.512914 (0.15721) [ 3.26268]	-1.123991 (4.19863) [-0.26770]
D(ININDEKS(-2))	1.928631 (5.16958) [ 0.37307]	-0.140811 (0.15769) [-0.89294]	4.040283 (4.21164) [ 0.95931]
D(LNPERBELANJAAN(-1))	-0.237124 (0.36782) [-0.64467]	0.013861 (0.01122) [ 1.23538]	-0.644250 (0.29966) [-2.14990]

D(LNPERBELANJAAN(-2))	0.015888 (0.35478) [ 0.04478]	0.006199 (0.01082) [ 0.57280]	-0.162027 (0.28903) [-0.56058]
C	0.000920 (0.03324) [ 0.02768]	0.001046 (0.00101) [ 1.03113]	-0.006093 (0.02708) [-0.22498]
<hr/>			
R-squared	0.480271	0.317277	0.338655
Adj. R-squared	0.376326	0.180732	0.206385
Sum sq. resids	1.443944	0.001344	0.958392
S.E. equation	0.203115	0.006196	0.165477
F-statistic	4.620406	2.323615	2.560345
Log likelihood	11.95281	162.0183	20.76516
Akaike AIC	-0.183851	-7.163640	-0.593728
Schwarz SC	0.143814	-6.835975	-0.266063
Mean dependent	-0.001915	0.001962	-0.000878
S.D. dependent	0.257195	0.006845	0.185752
<hr/>			
Determinant resid covariance (dof adj.)	1.21E-08		
Determinant resid covariance	6.53E-09		
Log likelihood	222.1629		
Akaike information criterion	-9.077343		
Schwarz criterion	-7.971473		
<hr/>			

Vector Error Correction Estimates

Date: 04/21/10 Time: 15:29

Sample (adjusted): 2006M04 2009M10

Included observations: 43 after adjustments

Standard errors in ( ) & t-statistics in [ ]

Cointegrating Eq:	CointEq1		
Error Correction:	D(LNASING)	D(ININDEKS)	D(LNPERBELANJAAN)
CointEq1	-0.848232 (0.20009) [-4.23920]	-0.002216 (0.00433) [-0.51145]	-0.022162 (0.11949) [-0.18547]
D(LNASING(-1))	0.042732 (0.16843) [ 0.25371]	-0.004602 (0.00365) [-1.26171]	0.030956 (0.10059) [ 0.30776]
D(LNASING(-2))	0.026353 (0.15255) [ 0.17275]	-0.002401 (0.00330) [-0.72671]	0.026399 (0.09110) [ 0.28977]
D(ININDEKS(-1))	3.310323 (7.27086) [ 0.45529]	0.488971 (0.15745) [ 3.10557]	-0.908270 (4.34214) [-0.20918]
D(ININDEKS(-2))	9.791904 (7.39524) [ 1.32408]	-0.051382 (0.16014) [-0.32085]	3.503194 (4.41642) [ 0.79322]
D(LNPERBELANJAAN(-1))	-1.772827 (0.57599) [-3.07787]	0.012682 (0.01247) [ 1.01678]	-0.691408 (0.34398) [-2.01002]

D(LNPERBELANJAAN(-2))	-0.527444 (0.40570) [-1.30009]	0.003518 (0.00879) [ 0.40043]	-0.124395 (0.24228) [-0.51343]
C	-0.022262 (0.04562) [-0.48802]	0.000886 (0.00099) [ 0.89648]	-0.004968 (0.02724) [-0.18235]
<hr/>			
R-squared	0.420036	0.358490	0.337422
Adj. R-squared	0.304043	0.230187	0.204907
Sum sq. resids	2.692254	0.001262	0.960178
S.E. equation	0.277347	0.006006	0.165631
F-statistic	3.621228	2.794106	2.546284
Log likelihood	-1.441696	163.3569	20.72513
Akaike AIC	0.439149	-7.225903	-0.591867
Schwarz SC	0.766814	-6.898238	-0.264201
Mean dependent	0.002761	0.001962	-0.000878
S.D. dependent	0.332455	0.006845	0.185752
<hr/>			
Determinant resid covariance (dof adj.)	5.52E-08		
Determinant resid covariance	2.98E-08		
Log likelihood	189.5323		
Akaike information criterion	-7.559640		
Schwarz criterion	-6.453770		
<hr/>			

**IMPAK KEDATANGAN PELANCONG KE ATAS EKONOMI NEGERI KELANTAN- FATISHA BT. BADRUL HISHAM**